



LAPORAN TAHUNAN
2021



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2021



CABARAN MENCETUS KEBANGKITAN

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Wira Arham Abdul Rahman memberikan ringkasan prestasi keseluruhan MIDA pada tahun 2021. Beliau turut berkongsi tentang strategi dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MIDA dalam proses pemulihan ekonomi negara daripada kesan pandemik COVID-19.

ms 4

01



ms 36

AKTIVITI PENGGALAKAN PELABURAN

MIDA telah melaksanakan pelbagai langkah dan insiatif bagi memastikan Malaysia terus menjadi pilihan utama pelaburan tempatan dan juga di peringkat antarabangsa.

- Menyemarakkan Aspirasi Pelaburan Asing Berkualiti [ms 39](#)
- Memperkasa Daya Tahan Pelaburan Domestik [ms 47](#)



MENGENAI MIDA

Lembaga Pengarah	ms 8
Pengurusan Tertinggi	ms 10
Carta Organisasi	ms 17
Mesyuarat Lembaga Pengarah	ms 18
MIDA Pelopor Industri	ms 18
Pengurusan Sumber Manusia	ms 20
Nilai-nilai Teras MIDA (MICCCA)	ms 23

ms 6

02



ms 24

03 PRESTASI PELABURAN 2021

ms 26

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan telah berkembang dengan baiknya pada tahun 2021 dengan kenaikan pelaburan lebih dua kali ganda berbanding tahun 2020. Prestasi sektor ini masih meningkat dengan ketara walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam landasan pemulihan ekonomi negara.

ms 30

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan Malaysia telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2021. Dalam pasca COVID-19 ini, sektor ini berjaya meluluskan 3,807 projek dengan nilai pelaburan yang berjumlah RM97.0 bilion.

ms 32

Sektor Utama

Pada tahun 2021, sektor utama telah menunjukkan prestasi yang amat baik dengan peningkatan pelaburan sebanyak 183.6 peratus berbanding tahun 2020.

05

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

ms 60

06

TEMUI MIDA

Alamat ibu pejabat dan pejabat-pejabat MIDA Negeri dan Luar Negara.



CABARAN MENCETUS KEBANGKITAN

Tahun 2021 menyaksikan negara beransur pulih daripada pandemik COVID-19 dan menuju ke suatu fasa yang kini lazim disebut sebagai endemik. Pandemik yang melanda telah memberikan impak yang sangat besar kepada ekonomi, namun pada masa yang sama ia telah mewujudkan suatu peluang yang unik dalam proses pemulihan dan pemerkasaan ekonomi negara. Selain itu, ia juga menjadi suatu platform yang telah mempamerkan kemampuan dan kegagahan Malaysia dalam menangani cabaran seumpama ini.

Dengan kejayaan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, situasi ekonomi negara dilihat sedang beransur pulih. Walau bagaimanapun, masih wujud cabaran dan krisis antarabangsa yang menyebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu di peringkat domestik maupun global. Meskipun demikian, Malaysia terus kekal mempamerkan daya ketahanan yang tinggi melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang sentiasa berada di barisan hadapan ekonomi negara dalam memainkan peranan penting sebagai institusi yang diyakini oleh komuniti perniagaan dan pelabur tempatan serta antarabangsa.

Ini terbukti dengan pencapaian positif Malaysia semasa mengharungi tempoh sukar, yang mana Malaysia bukan sahaja tidak lumpuh, malah sebaliknya tampil lebih berdaya saing dalam usaha melaksanakan inisiatif yang berterusan untuk menstabilkan ekonomi negara. Usaha yang telah digerakkan MIDA berfokus kepada bantuan dan sokongan kepada komuniti perniagaan serta pihak berkepentingan dalam sektor ekonomi yang kemudiannya telah menarik pelaburan strategik baru ke Malaysia.

Pelaburan Berkualiti Berterusan

Prestasi cemerlang pelaburan negara pada tahun 2021 ditunjangi oleh hasil kerjasama dan kesepakatan antara sektor awam dan sektor swasta. Malaysia telah mencatatkan nilai pelaburan diluluskan yang tertinggi, berjumlah RM309.4 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama melalui 4,568 projek. Peningkatan ini adalah 84.7 peratus lebih banyak berbanding nilai

pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020 dan dijangka mewujudkan 105,022 pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor ekonomi.

Usaha menarik pelaburan langsung ke Malaysia juga terus digiatkan oleh MIDA. Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bernilai RM208.6 bilion (67.4%), manakala pelaburan langsung domestik (DDI) merangkumi baki RM100.8 bilion (32.6%) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Meskipun dalam keadaan negara dilanda pandemik, pencapaian cemerlang ini telah mencatatkan lonjakan jumlah pelaburan FDI sebanyak 224.9 peratus berbanding tahun 2020, membuktikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan yang menarik dan berdaya saing untuk para pelabur.

MIDA sentiasa komited dan konsisten dalam meningkatkan usaha melaksanakan program-program promosi seperti Misi Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa (TIM) serta menganjurkan Misi Projek Khusus (SPM) domestik dan luar negara, untuk mengekalkan momentum pelaburan negara. Rangkaian pejabat MIDA di dalam maupun di luar negara telah melaksanakan lebih daripada 200 program promosi berkaitan pelaburan sepanjang tahun 2021 sekali gus meningkatkan sesi perkongsian dan rangkaian bersama pelabur berpotensi tentang nilai unik Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih.

Seiring dengan usaha dan inisiatif tersebut, MIDA mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama baharu dengan rakan perniagaan dan pihak berkepentingan melalui pemeteraian 20 Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menyokong pembangunan dan ekosistem perniagaan, sekali gus memacu pemulihan ekonomi Malaysia.

MIDA sememangnya berperanan penting sebagai perantara dan pemudah cara bagi komuniti perniagaan semasa proses kemasukan pelawat perniagaan ke tanah air ketika negara berhadapan situasi pandemik yang mencabar pada tahun 2021. Pada 23 Mac 2021, Pusat Pengembara Perniagaan (BTC) telah dilancarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai sebahagian daripada inisiatif Pusat Sehenti (OSC)



untuk pelawat perniagaan di bawah seliaan MIDA, bagi melancarkan pergerakan mereka ke Malaysia dan meneruskan perniagaan.

Penubuhan BTC adalah hasil kerjasama antara MIDA, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Imigresen Malaysia, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), dan Malaysia Airlines Berhad (MAB). Usaha sama strategik ini memudahkan pergerakan pelawat perniagaan ke Malaysia bagi tujuan memuktamadkan projek pelaburan yang berprofil tinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan, seterusnya melonjakkan ekonomi negara dalam menuju ke fasa endemik.

Strategi yang Mampan

Sebagai sebuah organisasi, MIDA menerapkan penekanan dalam mempergiatkan usaha pendigitalan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, khususnya komuniti perniagaan. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menarik pelaburan sebanyak RM70 bilion dalam usaha untuk mempercepatkan proses pendigitalan, maka Pejabat Pelaburan Digital (DIO) ditubuhkan. Pejabat ini merupakan sebuah platform kerjasama digital sepenuhnya antara MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Di samping itu, MIDA telah melancarkan portal *InvestMalaysia* secara rasmi pada 29 Mac 2021, salah satu inisiatif Sistem Transformasi Perusahaan (e-TRANS) yang bertujuan untuk merekaya semula proses perkhidmatan MIDA bagi meningkatkan kecekapan penyampaian organisasi.

Bagi menyokong Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), MIDA terus gigih menyelaraskan matlamat dan strategi operasinya termasuk penyusunan semula hala tuju pelaburan ke arah pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu yang berkualiti dan kompleks untuk memacu pertumbuhan mampan dan jangka panjang ekonomi Malaysia.

Dalam mengadaptasi norma baharu, MIDA optimis bahawa Malaysia akan terus utuh dan berada di trajektori yang tepat ke arah pemulihan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lebih kukuh. MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama Kerajaan, akan terus menggiatkan usaha melaksanakan mandat dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama kepada para pelabur domestik dan asing demi kemakmuran ekonomi negara.

DATUK WIRA ARHAM ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



02

MENGENAI MIDA

Lembaga Pengarah

TUNJANG KEJAYAAN MIDA

Kejayaan MIDA adalah hasil daripada kepimpinan cemerlang dan berkaliber Ahli Lembaga Pengarah. Bersandarkan pengalaman yang luas, Lembaga Pengarah kompeten dalam merangka inisiatif ke arah mencapai misi dan visi MIDA.



**DATO' ABDUL MAJID
AHMAD KHAN**
Pengerusi
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Sehingga 21 April 2021)



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Sehingga 31 Mac 2021)



**DATUK WIRA ARHAM
ABDUL RAHMAN**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Dari 1 April 2021)



**DATU DR. MUHAMMAD
ABDULLAH ZAIDEL**
Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
(EPU) Sarawak
(Dari 13 Februari 2020)



**TAN SRI DATO' SOH
THIAN LAI**
Presiden
Persekutuan Pekilang-
Pekilang Malaysia (FMM)
(Dari 31 Oktober 2020)



DATUK ICHIRO SUZUKI
Pengarah Urusan
Hiro Food Packages
Manufacturing Sdn. Bhd.
(Dari 31 Oktober 2020)



**DATUK LOKMAN
HAKIM ALI**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan
Industri (MITI)
(Dari 22 Februari 2021)



**DATO' CHE
NAZLI JAAPAR**
Setiausaha
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan (MOF)
(Dari 1 Mac 2021)



**DATO'
MARZUNISHAM OMAR**
Timbalan Gabenor
Bank Negara Malaysia (BNM)
(Dari 31 Oktober 2020)



DATO' MAHMUD ABBAS
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan
Negeri Selangor (PKNS)
(Dari 31 Oktober 2020)



DR. JASMINE BEGUM
Pengarah
Perundangan, Korporat dan
Hubungan Kerajaan Microsoft
ASEAN dan New Markets
Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd.
(Dari 31 Oktober 2020)



**DATUK YONG
TECK SHING**
Pengarah Eksekutif
Malaysia China Business
Council (MCBC)
(Dari 31 Oktober 2020)



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Sehingga 31 Mac 2021)

Pengurusan Tertinggi

KOMITMEN DAN KEPAKARAN TERAS KEJAYAAN

Dibentuk oleh gabungan kepimpinan terbaharu yang berkepakaran tinggi, barisan pengurusan tertinggi MIDA bersedia untuk menggalas tanggungjawab besar dari tumpuk kepimpinan terdahulu dan kekal komited dalam memastikan MIDA sentiasa berada di landasan yang tepat.



DATUK WIRA ARHAM ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Dari 1 April 2021)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I
(Sehingga 31 Mac 2021)



JASBIR KAUR A/P BACHAN SINGH
Pengarah Eksekutif
Fasilitasi Pelaburan
(Dari 1 Mac 2021)
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)
(Sehingga 28 Februari 2021)



MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR
Pengarah Eksekutif
Pembangunan
Perkilangan (Sumber)
(Sehingga 31 Mei 2021)



MOHAMED ZUHAIRI MOHAMED NOR
Pengarah Eksekutif
Perkhidmatan
Pengurusan Korporat
(Sehingga 8 Januari 2021)



CHOO WAI MENG
Pengarah Eksekutif
Advokasi Polisi
Pelaburan (Perkilangan)



AHMAD KHAIRUDDIN ABDUL RAHIM
Timbalan Ketua
Pegawai Eksekutif
Pembangunan Pelaburan
(Dari 1 Mei 2021)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II
(Sehingga 30 April 2021)



SIVASURIYAMOORTHY A/L SUNDARA RAJA
Timbalan Ketua
Pegawai Eksekutif
Penggalakan dan
Fasilitasi Pelaburan
(Dari 1 Mei 2021)
Pengarah Eksekutif
Penggalakan Pelaburan
(Sehingga 30 April 2021)



ROESLINA ABBAS
Pengarah Eksekutif Kanan /
Ketua Pegawai Maklumat
Advokasi Polisi Pelaburan
(Dari 1 Mei 2021)
Pengarah Eksekutif Kanan
Perancangan Strategik
dan Pembangunan
(Perkilangan & Perkhidmatan)
(Sehingga 30 April 2021)



LIM BEE VIAN
Pengarah Eksekutif
Pembangunan
Perkhidmatan



ZALINA ZAINOL
Pengarah Eksekutif
Perkhidmatan
Pengurusan Korporat
(Dari 1 Februari 2021)



JEYASIGAN A/L NARAYANAN NAIR
Pengarah Eksekutif
Advokasi Polisi
Pelaburan (Perkhidmatan)
(Dari 1 Mei 2021)



SIKH SHAMSUL IBRAHIM SIKH ABDUL MAJID
Pengarah Eksekutif
Penggalakan Pelaburan
(Dari 15 November 2021)
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)
(Sehingga 14 November 2021)



NAJIHAH ABAS
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)
(Dari 15 November 2021)

Pengurusan MIDA



MASNI MUHAMMAD
Pengarah
Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkilangan)



ZUAIDA ABDULLAH
Pengarah
Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkhidmatan)



BALKISH MOHD YASIN
Pengarah
Sains Hayat dan Teknologi Perubatan



WAN HASHIMAH WAN SALLEH
Pengarah
Teknologi Hijau



ZAHIRUL ISHAK
Pengarah
Teknologi Pengangkutan



WAHIDA ABDUL RAHMAN
Pengarah
Penjagaan Kesihatan, Pendidikan dan Hospitaliti



AZLINA HAMDAN
Pengarah
Elektrikal dan Elektronik



NORMI ALIAS
Pengarah
Pengurusan Sumber Manusia



HAZLI JEMAAT
Pengarah (Memangku)
Pengurusan Korporat



MOHD ZAHARIN JAMARIS
Pengarah
Pengurusan Kewangan dan Akaun




AHMAD ZAKUAN GHAZALI
Pengarah
Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat
(Sehingga 1 November 2021)



AIZAH ABDULLAH
Pengarah
Pengurusan Talent Industri dan Ekspatriat



KHAMILAH MOHD YUSOFF
Pengarah
Teknologi Makanan dan Industri Berasaskan Sumber (Sehingga 10 November 2021)



MANJIT KAUR A/P BALKAR SINGH
Pengarah
Teknologi Makanan dan Industri Berasaskan Sumber (Dari 15 November 2021)
Pengarah
Komunikasi Korporat (Sehingga 14 November 2021)



NOOR AIEDA AHMAD
Pengarah
Pasca Pelaburan
(Sehingga 16 Julai 2021)




NAZUKI ABDULLAH
Pengarah
Pasca Pelaburan
(Dari 2 Ogos 2021)
Pengarah
Pelaburan Tempatan
(Sehingga 1 Ogos 2021)



HABIBAH ENOK
Pengarah
Minyak dan Gas, Maritim dan
Perkhidmatan Logistik



SURAYU SUSAH
Pengarah
Kimia dan
Bahan Termaju



ZAKIAH SAJIDAN
Pengarah
Teknologi Jentera
dan Logam
(Dari 3 Mei 2021)
Ketua Seksyen
Seksyen Pematuhan &
Pemantauan Pelesenan
dan Galakan
(Sehingga 2 Mei 2021)



**SANTHA DEVI A/P
SUBRAMANIAM**
Pengarah
Statistik Pelaburan
(Dari 3 Mei 2021)



FAIZAL JALALUDIN
Pengarah
Pelaburan Asing
(Dari 26 Julai 2021)



ROSLINA OTHMAN
Pengarah
Pematuhan Pelaburan
(Dari 3 Mei 2021)
Pengarah
Statistik Pelaburan
(Sehingga 2 Mei 2021)



NORHIZAM IBRAHIM
Pengarah
Teknologi Termaju
dan Penyelidikan
& Pembangunan



ROSEDALINA RAMLAN
Pengarah
Perkhidmatan Bisnes
dan Operasi Serantau



DAIANA MOHD ZAIN
Pengarah
Sekretariat
Pelaburan Nasional



SUKRI ABU BAKAR
Pengarah
Pelaburan Tempatan
(Dari 1 September 2021)



ROZITA IBRAHIM
Pengarah
Teknologi Bangunan
dan Gaya Hidup
(Dari 15 November 2021)



NORMAWATI KUSAIRI
Ketua Seksyen
Seksyen Tarif



ZIL MUKHRIZ SULONG
Ketua Seksyen
Seksyen Perundangan dan
Hubungan Kerajaan



**WAN NORAINI
ABDUL RAHMAN**
Ketua Unit
Unit Maklumat Pelaburan



**MEGAT FAIZAL
MOHAMAD ZABRI**
Ketua Unit
Unit Audit Dalam
(Sehingga 31 Julai 2021)



SUHAILA SELAMAT
Ketua Unit
Unit Audit Dalam
(Dari 1 September 2021)



SITI RUZAINA SHAHIDAN
Ketua Unit
Unit Integriti
dan Tadbir Urus



TIMOTHY ONG WYE ERN
Ketua Unit
Unit BioEkonomi Kitaran

CARTA ORGANISASI



MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah MIDA pada tahun 2021 adalah terdiri daripada 12 anggota yang diketuai oleh seorang Pengurus yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, wakil-wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Kerajaan Negeri. Lembaga Pengarah MIDA juga mempunyai empat (4) anggota daripada sektor swasta yang mewakili sektor-sektor komersial, perkilangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Seperti yang digariskan dalam Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Diperbadankan) 1965, Lembaga Pengarah

MIDA yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Majid Ahmad Khan dan ahlinya bertanggungjawab menyediakan panduan dasar dan cadangan berhubung dengan kemajuan fungsi organisasi, mengawasi pelaksanaan dasar dan cadangan tersebut serta memberikan panduan kepada Ketua Pegawai Eksekutif selaras dengan peruntukan Akta ini.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan, iaitu pada 1 Mac, 28 Jun, 2 September, 1 November dan 21 Disember. Lembaga Pengarah bersama dengan pengurusan kanan MIDA telah memberikan idea yang bernes mengenai langkah-langkah utama untuk memacu pelaburan terutamanya dalam menangani kesan pandemik.

MIDA PELOPOR INDUSTRI

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan pada tahun 1967 sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan 1965, yang kemudian dipinda menjadi Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011.

Sebagai agensi utama Kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor

perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti), MIDA disifatkan oleh Bank Dunia sebagai pencetus penting bagi penggalakan pelaburan yang bermatlamat, positif dan bersepdu dalam usaha pembangunan perindustrian Malaysia. Kini, MIDA merupakan sumber kekuatan Malaysia untuk mewujudkan negara yang lebih dinamik dalam merintis dan membuka gerbang alaf baharu kepada dunia.



MISI

Mencipta ekosistem pelaburan yang dinamik dan lestari



VISI

Menjadikan Malaysia sebagai peneraju destinasi pelaburan pilihan

FUNGSI MIDA

- Meneraju, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia.
- Menjalankan kajian dan perancangan berhubung hal-hal berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menasihati Kerajaan mengenai dasar berkaitan penggalakan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) yang meliputi:
 - ▶ Pengeluaran Lesen Pengilang
 - ▶ Insentif kepada pelabur yang berkelayakan di Malaysia
 - ▶ Jawatan ekspatriat
 - ▶ Pengenaan atau pemindaan serta pengecualian daripada duti kastam
 - ▶ Kemudahan-kemudahan fiskal atau bukan fiskal yang lain
- Merangka langkah-langkah bagi menggalakan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menyelaras dan memudahkan aktiviti berkaitan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menawarkan perkhidmatan rundingan meliputi latihan dan bantuan teknikal.
- Menjalankan aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain, sejajar dengan objektif Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia meneroka peluang pelaburan dan memperoleh teknologi dari luar negara.
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berkaitan pelaburan merentasi semua sektor ekonomi.
- Menyediakan laporan berkala kepada Menteri mengenai kemajuan dan isu-isu berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) serta mengemukakan cadangan bagi mengatasi isu-isu tersebut.
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selari dengan Akta MIDA berdasarkan arahan Menteri secara bertulis.
- Secara umumnya, menjalankan semua perkara-perkara berkaitan dan berbangkit dalam melaksanakan kuasa dan fungsi di bawah akta ini.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN BAKAT


Dalam usaha menitikberatkan pengurusan modal insan MIDA yang kompeten, proses pengambilan pengawai-pegawai baharu MIDA dilaksanakan melalui kolaborasi bersama badan-badan penyedia berasrama dalam negara seperti Khazanah Nasional Berhad, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi pelajar-pelajar yang cemerlang dan berkaliber tinggi.

Calon yang berminat untuk menyertai MIDA akan melalui beberapa proses tapisan seperti saringan

resume, saringan melalui telefon, temu duga peristiwa tingkah lalu secara bersemuka (*Face-to-Face Behavioural Event Interview*) dan temu duga bersama Pengurusan Tertinggi MIDA.


Pada tahun 2021, MIDA telah membuat pengambilan seramai 20 orang Pengawai Eksekutif (Ekonomi) Gred 9 baharu daripada pelbagai universiti termasuk daripada universiti luar negara seperti *Boston University*, *King's College London*, *University of California (UCSD)*, *University of Michigan* dan lain-lain.

POPULASI MIDA MENGIKUT GENERASI




Generasi Y atau lebih dikenali sebagai milenial membentuk segmen terbesar iaitu 53.8% daripada tenaga kerja MIDA

POPULASI MIDA MENGIKUT JANTINA



Kakitangan wanita adalah 16 peratus melebihi kakitangan lelaki.

PERJAWATAN MIDA MENGIKUT JANTINA



Jumlah kakitangan wanita adalah lebih ramai daripada kakitangan lelaki dalam hampir kesemua perjawatan MIDA termasuk Pengurusan Tertinggi. Manakala bagi perjawatan Eksekutif, bilangan kakitangan lelaki dan wanita adalah hampir sama.

PUSAT PENILAIAN DAN PEMBANGUNAN (ADC)

Pusat Penilaian dan Pembangunan atau *Assessment and Development Centre* (ADC) telah ditubuhkan pada tahun 2016 bagi menilai potensi bakat MIDA dengan menggunakan mekanisma penilaian yang berstruktur bagi mengenal pasti potensi pegawai-pegawai MIDA. Asas penilaian ADC adalah berdasarkan MIDA *Competency Model* yang mengetengahkan tiga (3) Kompetensi Utama iaitu *Leading Self*, *Leading Team* dan *Leading Business*.

Pada tahun 2021, seramai 115 orang pegawai gred Eksekutif telah dinilai melalui ADC untuk

mengenal pasti potensi mereka bagi tujuan pembangunan latihan dan kerjaya. Hasil daripada dapatan ADC, MIDA telah mengenal pasti pegawai-pegawai yang berpotensi tinggi bagi mengatur strategi di dalam mengembangkan bakat MIDA. Program Latihan MIDA *Leadership Development Program* telah dirancang bagi membangunkan barisan pemimpin masa hadapan yang mantap dengan gaya kepimpinan yang berdaya saing untuk meneraju persekitaran yang tidak menentu dan mencabar.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Latihan Pembangunan Kepimpinan bagi Pengurusan Pertengahan

Dalam menghadapi perubahan persekitaran digital yang semakin pesat membangun, adalah penting bagi sebuah organisasi untuk lebih tangkas dalam mengambil langkah bagi menghadapi sebarang perubahan. Oleh itu, MIDA memerlukan pemimpin yang bukan sahaja

mempunyai kemahiran *interpersonal* yang efektif tetapi juga memerlukan pemimpin yang boleh mengurus organisasi yang semakin kompleks. Pemimpin yang efektif berupaya membuat keputusan dengan lebih cepat dan memimpin perubahan dengan cekap.

Bagi mendedahkan pengurusan pertengahan MIDA dengan latihan kepimpinan di dalam era

disruptif, 34 orang pegawai telah dihantar untuk menyertai kursus-kursus kepimpinan dalam dan luar negara secara atas talian dan bersemuka seperti berikut :

- ▶ Harvard Leadership Program
- ▶ INSEAD Developing Emerging Leaders
- ▶ INSEAD Leading Digital Marketing Strategy
- ▶ Coaching for Performance

Pemimpin yang cemerlang adalah seorang yang berkebolehan untuk berhubung, mencapai, memberi inspirasi dan mempunyai daya tahan yang tinggi. Oleh yang demikian, pengurusan pertengahan MIDA juga diberi latihan *Leading with Emotional Intelligence* bagi memperkasakan kemahiran *interpersonal* mereka dan menjadikan mereka pemimpin yang bijak mengawal emosi.

Latihan Pembangunan Kepimpinan bagi Eksekutif Kanan

Bagi membina perkembangan kerjaya Eksekutif Kanan ke Pengurusan Pertengahan, pegawai yang berpotensi tinggi telah diberi Latihan Pembangunan *First Time Manager*. Seramai 24 orang pegawai telah dinilai melalui ADC untuk mengenal pasti jurang kompetensi pegawai. Objektif program ini adalah sebagai persediaan awal kepada pegawai-pegawai untuk menjadi pemimpin yang berupaya melatih dan membangunkan pegawai-pegawai bawahan serta bersedia untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan kepada organisasi, bahagian dan unit.

Latihan Bahasa Inggeris (Percakapan dan Penulisan)

Kemahiran berkomunikasi adalah antara elemen utama bagi warga MIDA yang sentiasa berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan. Kemahiran berkomunikasi akan memastikan kelancaran urusan kerja, sama ada sesama rakan sekerja maupun dengan pihak luar, lebih-lebih lagi untuk meraih kepercayaan dan keyakinan pelabur.

Oleh yang demikian, komunikasi lisan dan bertulis yang efektif di dalam Bahasa Inggeris adalah kemahiran yang kritikal bagi semua warga MIDA. Pada tahun 2021, kursus komunikasi berkesan telah dirancang dan dijalankan bagi pegawai dan kakitangan sokongan seperti berikut:

- ▶ English Communication and Customer Service
- ▶ Business English Communication
- ▶ Advanced Business Writing
- ▶ Toastmasters

Latihan Teknikal kepada Pegawai-Pegawai Eksekutif

Kursus-kursus teknikal yang relevan dengan perubahan teknologi semasa bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam kalangan pegawai-pegawai eksekutif baharu dan sedia ada turut diadakan pada tahun 2021 seperti berikut:

- ▶ Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)
- ▶ Circular Economy & Sustainability Strategies
- ▶ MIM Pivoting Business Development (Marketing)
- ▶ Free Trade Agreements
- ▶ Tax Incentives for R&D Activities
- ▶ Income Tax Act 1967 and Promotion of Investments Act 1986
- ▶ Tutorial Pengiraan Taraf Perintis

Program Kesihatan Mental dan Kewangan

Bagi memastikan warga MIDA sentiasa ceria dan sihat, program-program kesihatan minda dan pengurusan kewangan telah diadakan seperti berikut:

- ▶ Myths & Facts on Covid-19 Vaccines
- ▶ Persediaan dan Pengurusan Mental
- ▶ Menghadapi Pandemik
- ▶ Bekerja dari Rumah secara Optima dan Produktif
- ▶ AKPK Talk – Solusi Kewangan

NILAI-NILAI TERAS MIDA (MICCCA)



MERITOKRASI (MERITOCRACY)

Memberi ganjaran berdasarkan prestasi dan meraikan pencapaian



INTEGRITI (INTEGRITY)

Berlaku jujur, telus dan bertanggungjawab



UTAMAKAN PELANGGAN (CUSTOMER-CENTRIC)

Memberi keutamaan kepada pelanggan setiap masa



INGINTAHU (CURIOSITY)

Mencari idea dan pengetahuan baru



ERAT (CLOSE-KNIT)

Nilai keterbukaan dan sokongan erat dalam kalangan warga organisasi



NILAI TAMBAH (ADDING VALUE)

Melangkaui jangkaan dan meningkatkan sasaran





03

PRESTASI PELABURAN 2021

PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan Malaysia sekali lagi menyaksikan pertumbuhan yang luar biasa pada tahun 2021, dengan kenaikan pelaburan lebih dua kali ganda berbanding pada tahun 2020. Pelabur asing khususnya menunjukkan keyakinan mendalam mereka terhadap negara, dengan membawa masuk lebih 90 peratus daripada jumlah pelaburan ke dalam sektor perkilangan.

PRESTASI PELABURAN TERUS CEMERLANG

Sektor perkilangan Malaysia tetap bertahan sepanjang tahun 2021 meskipun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam landasan pemulihian ekonomi negara. Sektor perkilangan mencatatkan prestasi cemerlang dengan menarik pelaburan bernilai RM195.1 bilion dalam 702 projek diluluskan pada tahun 2021 yang merupakan 113.7 peratus lebih daripada RM91.3 bilion yang dicapai pada tahun 2020.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) berjumlah RM179.6 billion (92.1%) daripada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala baki sebanyak RM15.5 billion (7.9%) merupakan Pelaburan Langsung Domestik (DDI). Pencapaian FDI semakin kukuh pada tahun 2021 dengan peningkatan lebih tiga kali ganda berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM56.6 billion.

Menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan yang diluluskan ke Malaysia, sektor perkilangan memperoleh manfaat daripada

penggunaan automasi dan lain-lain teknologi berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2021 terbitan Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD) meletakkan daya saing global Malaysia pada kedudukan ke-25 daripada 64 ekonomi yang ditanda aras. Ini adalah peningkatan daripada kedudukan ke-27 pada tahun 2020 dan meletakkan Malaysia di tempat kedua dalam kalangan lima negara ASEAN yang disenaraikan oleh Buku Tahunan tersebut, mendahului Thailand (ke-28), Indonesia (ke-37), dan Filipina (ke-52).

Penambahbaikan prestasi Malaysia dalam kedudukan daya saing global memperlihatkan negara kekal sebagai lokasi pilihan hab perkilangan dan perkhidmatan antarabangsa yang disokong oleh prestasi kukuh di rantau ASEAN dalam memacu pemulihian ekonomi pasca-pandemik yang mampu.

SOROTAN SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



5 Industri Utama Pelaburan Asing Tahun 2021

5 industri teratas ini merangkumi 97.3% daripada jumlah FDI yang diluluskan	
RM146.3 bilion	E&E
RM3.5 bilion	Kimia dan Produk Kimia
RM19.2 bilion	Produk Logam Asas
RM2.0 bilion	Peralatan Saintifik dan Pengukuran
RM3.8 bilion	Pengilangan Makanan

5 Industri Utama Pelaburan Domestik Tahun 2021

Produk Getah, Kimia & Produk Kimia dan E&E membentuk 57.4% daripada jumlah DDI yang diluluskan	
RM4.9 bilion	Produk Getah
RM1.6 bilion	Pengilangan Makanan
RM2.3 bilion	Kimia dan Produk Kimia
RM1.2 bilion	Produk Fabrikasi Logam
RM1.7 bilion	E&E

PRESTASI TEGUH PELABURAN ASING

Sepanjang tahun 2021, FDI menyumbang sebahagian besar kepada jumlah pelaburan bagi projek baharu, iaitu sebanyak RM144.7 bilion manakala baki RM34.9 bilion adalah daripada projek pembesaran/pelbagai.

Pelabur asing lebih tertumpu kepada industri elektrik dan elektronik (E&E) yang bernilai tinggi, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM146.3 bilion, atau 81.5 peratus daripada jumlah FDI. Industri lain yang mempunyai tahap FDI yang tinggi ialah produk logam asas (RM19.2 bilion), pengilangan

makanan (RM3.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.5 bilion), peralatan saintifik dan pengukuran (RM2 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (RM1.2 bilion).

Belanda mendahului senarai negara pelabur asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM74.9 bilion, diikuti dengan Singapura (RM46.6 bilion), Austria (RM18.9 bilion), Republik Rakyat China (RM16.6 bilion), dan Jepun (RM7.5 bilion). Lima negara ini menyumbang RM164.5 bilion (91.6%) daripada jumlah keseluruhan FDI.

PERANAN PENTING PELABURAN DOMESTIK

Sepanjang tahun 2021, DDI dalam sektor perkilangan menyumbang sebanyak RM15.5 bilion, di mana kebanyakannya merangkumi projek-projek baharu. Tiga industri yang paling banyak menyumbang kepada DDI adalah daripada produk getah iaitu sebanyak RM4.9 billion, diikuti dengan kimia dan produk kimia (RM2.3 bilion) dan E&E (RM1.7 bilion). Industri-industri ini membentuk 57.4 peratus daripada jumlah DDI yang diluluskan. Jumlah pelaburan bagi

industri-industri lain pula adalah terdiri daripada pengilangan makanan (RM1.6 bilion); produk fabrikasi logam (RM1.2 bilion); kelengkapan pengangkutan (RM992.1 juta); jentera dan kelengkapan (M&E) (RM576.9 juta); produk plastik (RM488.6 juta); kertas, percetakan dan penerbitan (RM392.8 juta); produk mineral bukan logam (RM311.3 juta); produk logam asas (RM264.7 juta); dan industri perabot dan lekapan (RM203.4 juta).

INDUSTRI TERKEMUKA DI MALAYSIA

Sebagai hab pengilangan global untuk E&E, industri ini menyumbang sebanyak RM148 billion atau 75.9 peratus daripada jumlah pelaburan perkilangan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), industri E&E disasarkan untuk menyumbang RM120 billion kepada KDNK negara.

Industri lain yang menerima sejumlah besar pelaburan termasuk produk logam asas

(RM19.4 billion), kimia dan produk kimia (RM5.8 billion), produk getah (RM5.8 billion), pengilangan makanan (RM5.4 billion), kelengkapan pengangkutan (RM2.2 billion), dan peralatan saintifik dan pengukuran (RM2.1 billion). Tujuh industri ini merangkumi 96.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

INDUSTRI UTAMA SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



PELUANG PEKERJAAN


Projek-projek yang diluluskan pada 2021 dijangka dapat mewujudkan sebanyak 74,575 peluang pekerjaan. Daripada jumlah keseluruhan, 16,757 (22.5%) adalah dalam bidang pengurusan, teknikal, dan penyeliaan (MTS) manakala, baki 57,818 (77.5%) peluang pekerjaan adalah dalam bidang pekerja mahir, pekerja jualan dan perkeranian serta operator loji/mesin.

Lima industri utama dari segi penyediaan peluang pekerjaan adalah produk E&E (28,362 pekerjaan), produk getah (12,229 pekerjaan), produk logam asas (9,283 pekerjaan), pengilangan makanan (5,354 pekerjaan), dan produk fabrikasi logam (3,392 pekerjaan). Kelima-lima industri ini menyumbang sebahagian besar (58,620 pekerjaan atau 78.6%) daripada keseluruhan potensi pekerjaan untuk tahun 2021.

28

Kerajaan turut memberikan kelulusan untuk pegawai dagang, terutamanya untuk jawatan pengurusan dan teknikal untuk kedua-dua syarikat milikan tempatan dan asing. Pada tahun 2021, sebanyak 508 pegawai dagang telah diluluskan dan 160 daripadanya adalah jawatan penting yang boleh diisi secara kekal oleh rakyat asing. Manakala baki 348 pekerjaan adalah jawatan bertempoh

PELUANG PEKERJAAN BAHRU DALAM SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



CIPE PELENGKAP PROJEK BERKUALITI

Intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) untuk projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM2,615,996 – suatu peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 130 peratus berbanding tahun lepas (CIPE 2020: RM1,137,447).

Industri E&E mencatatkan CIPE tertinggi sebanyak RM5,217,439, diikuti oleh peralatan saintifik dan pengukuran (RM2,623,045), produk logam asas (RM2,093,934), kimia dan produk kimia

(RM1,889,722), dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM1,530,994).

Malaysia telah dipilih sebagai hab pengembangan pasaran Asia Tenggara oleh beberapa syarikat luar seperti Risen Solar Energy Co. Ltd serta Austria Technologie & Systemtechnik AG (AT&S) yang telah melabur sebanyak RM42.2 bilion dan RM10.8 bilion masing-masing bagi tujuan membina fasiliti di Kulim Hi-Tech Park. Selain itu, Nine Dragons Paper (Holdings) Limited, pengeluar kertas terbesar di Asia, melabur sebanyak RM5.4 bilion bagi membina kemudahan di Banting, Selangor.

SUBSEKTOR DENGAN CIPE TERTINGGI DARIPADA PROJEK YANG DILULUSKAN



PECAHAN PELABURAN MENGIKUT NEGERI

Selangor (247 projek), Johor (134 projek) dan Pulau Pinang (111 projek) kekal sebagai tiga negeri dengan bilangan projek tertinggi dalam sektor perkilangan. Tiga negeri ini menyumbang sebanyak 70.1 peratus daripada 702 jumlah projek yang diluluskan.


Dari segi nilai pelaburan pula, Pulau Pinang menerima pelaburan tertinggi bernilai RM76.2 bilion, diikuti dengan Kedah (RM66.2 bilion), Pahang

(RM10.5 bilion), Selangor (RM7.5 bilion), dan Johor (RM7 bilion). Lima negeri ini secara kolektif telah menyumbang 85.8 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2021.

Negeri lain yang mempunyai nilai pelaburan tinggi adalah Perak (RM6.1 bilion), Sarawak (RM5.7 bilion), Sabah (RM4.9 bilion), Melaka (RM3.9 bilion), dan Terengganu (RM3.8 bilion).

29

PROJEK SEKTOR PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2021




PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN

Kesemua 702 projek yang diluluskan pada 2021 menjadikan jumlah keseluruhan projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh lima tahun (2017-2021) mencecah 4,147 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM520.1 bilion serta mewujudkan 349,125 peluang pekerjaan. Setakat ini, jumlah projek yang telah dilaksanakan adalah 2,766 projek (66.7%) dengan pelaburan bernilai RM383.2 bilion manakala 1,173 projek bernilai RM123.3 bilion telah memperoleh tapak dan/atau sedang dalam fasa perancangan aktif.

Antara industri utama yang dilaksanakan adalah E&E (RM195.5 bilion); produk petroleum termasuk petrokimia (RM46.8 bilion); produk logam asas (RM24.9 bilion); kimia dan produk kimia (RM14.6 bilion); produk mineral bukan logam (RM13.7 bilion); dan M&E (RM13.4 bilion), membentuk 80.6 peratus daripada jumlah nilai pelaburan projek yang telah dilaksanakan.

PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN (2017-2021)



PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan terus memperlihatkan peningkatan dalam pelaburan pada tahun 2021 dan membantu ekonomi Malaysia dalam menghadapi kesan wabak dan sekatannya. Kerajaan kekal berwaspada terhadap perubahan dalam landskap perniagaan yang dinamik dan terus mengkaji dan memperbaharui dasar sektor perkhidmatan untuk mengukuhkan produktiviti, inovasi dan mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti.

EKONOMI PASCA COVID

Pada tahun 2021, jumlah projek yang telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak 3,807 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM97.0 bilion, peningkatan sebanyak 38.2 peratus berbanding RM70.2 bilion yang direkodkan pada tahun 2020. Jumlah FDI adalah sebanyak RM24.9 bilion iaitu 25.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2021, sementara DDI pula menyumbang sebanyak RM72.1 bilion atau 74.3 peratus. Pelaburan

dalam sektor perkhidmatan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 29,919 peluang pekerjaan.


DDI tertumpu pada subsektor hartanah (RM28.8 bilion), pertubuhan global (RM1.1 bilion), perkhidmatan kewangan (RM11.3 bilion), utiliti (RM9.6 bilion), serta maklumat dan komunikasi (RM9.3 bilion). Secara kolektif, subsektor-subsektor ini mewakili 62.0 peratus

daripada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2021.

Subsektor-subsektor perkhidmatan utama yang mencatatkan pertumbuhan dalam kelulusan pelaburan adalah dalam pertubuhan global, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan kesihatan.

FDI juga telah mencatatkan peningkatan, lebih tiga kali ganda, daripada RM6.7 bilion pada tahun 2020 kepada RM24.9 bilion pada tahun 2021. Perkembangan positif ini menandakan minat dan keyakinan pelabur asing yang semakin meningkat untuk menjadikan Malaysia destinasi pelaburan strategik mereka.

SOROTAN SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2021



INISIATIF UTAMA OLEH MIDA BAGI MEMPERGIATKAN SEKTOR PERKHIDMATAN

Pejabat Pelaburan Digital (DIO) Tarikh Penubuhan: 22 April 2021

Platform kerjasama digital antara MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk mewujudkan kesedaran mengenai pelaburan digital selain mengukuhkan penyelaras dalam kalangan semua Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) dalam mempromosi dan menarik pelaburan baharu

Definisi R&D Baharu di bawah Akta Kewangan 2018 Tarikh Berkuatkuasa: 1 Januari 2022

Pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan kerjasama MITI, MOF dan LHDNM dan pelaksanaan pemantauan ke atas Status R&D setiap lima tahun

Penggubalan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Tempoh: 2021 - 2025

Memungkin industri strategik dan berimpak tinggi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan global

Pelanjutan Incentif Cukai untuk Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal (SBSR) dan Hab Prinsipal (PH) Tempoh: Berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2022

Sebanyak lapan (8) industri strategik dan berimpak tinggi dikenal pasti untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi, iaitu elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biomas

Incentif Penempatan Semula untuk Sektor Perkhidmatan Tempoh: Berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2022

Bagi membolehkan pelaburan berterusan untuk subsektor ini dan menjana pendapatan untuk negara. Dilanjutkan di bawah Bajet 2021 untuk meningkatkan pelaburan dalam SBSR dan PH

Incentif Cukai Khas di bawah PENJANA dilanjutkan di bawah Bajet 2022 sehingga hujung tahun 2022 yang meliputi sektor perkhidmatan terpilih dengan kadar cukai 0% hingga 10% bagi tempoh 10 tahun

Pengenalan Pusat Dagangan Global (GTC) - Menjadikan Malaysia sebagai Hub Pengedaran/Perolehan Serantau
Tempoh: Berkukuasa sehingga 31 Disember 2022

Perluasan Skop Insentif Cukai Teknologi Hijau
Tempoh: Berkukuasa dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023

Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC)
Tempoh: Berkukuasa dari 30 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2025

Penggubalan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP)
Tempoh: 2021 - 2030

Insentif GTC dimulakan untuk menggalakkan MNC dan syarikat tempatan bagi menyertai aktiviti perolehan, pengedaran dan perdagangan untuk terus menyokong rantaian bekalan global mereka.

Skop insentif ini telah diperluaskan untuk merangkumi projek Sistem Penuaan Air Hujan (RHS) seperti berikut:

- Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% untuk perbelanjaan modal yang layak bagi aktiviti teknologi hijau/pembelian aset hijau untuk tempoh tiga (3) tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun

Diperkenalkan dalam Bajet 2022 untuk menyokong pembangunan komprehensif ekosistem digital negara seperti berikut:

- Kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% untuk tempoh 10 tahun bagi pembekal teknologi digital baharu; dan kadar cukai pendapatan 10% untuk tempoh 10 tahun bagi pembekal teknologi sedia ada yang menjalankan kepelbagaian perkhidmatan baharu. Elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh 10 tahun bagi penyedia infrastruktur digital

Menggantikan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP 3) yang bukan sahaja tertumpu pada perkilangan malah memberi penekanan kepada sektor perkhidmatan

PRESTASI PELABURAN SEKTOR UTAMA



Malaysia mencatatkan prestasi yang kukuh dalam sektor utama pada tahun 2021 dengan peningkatan ketara dalam pelaburan yang diluluskan dalam ketiga-tiga subsektornya. Kempen vaksinasi serta kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan telah membantu ekonomi negara untuk berkembang, selain mendorong pemulihan dalam segmen pertanian, perlombongan dan komoditi.

PERTUMBUHAN KUKUH

Pada tahun 2021, sebanyak 59 projek telah diluluskan dalam sektor utama dengan pelaburan berjumlah RM17.3 bilion, peningkatan sebanyak 183.6 peratus berbanding RM6.1 bilion yang direkodkan pada tahun 2020. Jumlah FDI yang telah diluluskan adalah sebanyak RM4.1 bilion

iaitu 23.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2021, sementara pelaburan DDI menyumbang sebanyak RM13.2 bilion atau 76.3 peratus. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan lebih daripada 528 peluang pekerjaan.

SOROTAN SEKTOR UTAMA TAHUN 2021




PERTANIAN

Semasa pandemik, subsektor pertanian kekal terbuka untuk memastikan bekalan makanan tidak terganggu. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diperuntukkan sebanyak RM4.82 bilion dalam Bajet 2022 untuk memacu usaha pemodenan dalam subsektor pertanian bagi menambah baik rantaian agromakanan, menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai usahawan tani muda. Manakala, peruntukan tambahan sebanyak RM120 juta diperuntukkan untuk projek jaminan bekalan makanan di pelbagai negeri, termasuk pembangunan industri akuakultur dan ladang kerang-kerangan di Johor.

Pada tahun 2021, enam (6) projek dalam subsektor pertanian telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM20.5 juta, peningkatan ketara sebanyak 754.2 peratus berbanding RM2.4 juta yang diluluskan pada 2020. Majoriti pelaburan yang diluluskan adalah daripada DDI yang berjumlah RM20.4 juta (99.5%), manakala

FDI berjumlah RM0.1 juta (0.5%). Subsektor ini dijangka dapat mewujudkan sejumlah 103 peluang pekerjaan di Malaysia.

SUBSEKTOR PERTANIAN TAHUN 2021



PERLOMBONGAN

Pelaburan dalam subsektor perlombongan adalah terdiri daripada cari gali minyak dan gas serta perlombongan mineral lain.

Malaysia beraspirasi untuk menjadi hab penting dalam pembangunan industri mineral kerana ia mempunyai sumber mineral yang dianggarkan bernilai RM4.11 trillion. Sumber mineral tersebut terdiri daripada galian mineral logam yang bernilai

RM1.03 trillion, galian mineral bukan logam (RM2.96 trillion) dan mineral tenaga (RM0.12 trillion) yang berpotensi untuk pengeluaran secara optimum.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM87.2 juta di bawah RMKe-12 untuk melaksanakan kerja-kerja mengurangkan risiko kerosakan alam sekitar dalam industri mineral.

Pada tahun 2021, sebanyak 19 projek dalam subsektor perlombongan telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM17,096.3 juta atau 98.7 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor utama. Daripada jumlah tersebut, 16 projek dalam galian minyak dan gas telah menyumbang pelaburan bernilai RM17,089.3 juta dan tiga (3) lagi projek dalam galian mineral dengan pelaburan bernilai RM7 juta. FDI merekodkan nilai pelaburan sebanyak RM4,075.3 juta (23.8%), manakala DDI adalah berjumlah RM13,021 juta (76.2%). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 37 peluang pekerjaan.

PERLADANGAN DAN KOMODITI


Subsektor perladangan dan komoditi yang terdiri daripada kelapa sawit, getah, ladang hutan, kenaf dan lada, telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sejak 50 tahun lalu. Kelapa sawit kekal sebagai salah satu tanaman komoditi terpenting Malaysia yang menghasilkan minyak sawit sebagai eksport pertanian utama negara. Sumbangan subsektor sawit kepada KDNK pada tahun 2021 adalah berjumlah RM44.98 bilion dan jumlah tersebut mewakili 53.4 peratus daripada keseluruhan KDNK dalam sektor agrokomoditi negara.

34

Bagi meningkatkan pertumbuhan dalam subsektor perladangan dan komoditi, Kerajaan telah memperuntukkan RM2.5 bilion dalam Bajet 2022 dengan langkah-langkah berikut:

- ▶ RM2.5 bilion untuk pakej pemulihan dan pembangunan peneroka dengan RM1.3 bilion daripada jumlah diberikan kepada FELDA.
 - ▶ RM495 juta disediakan kepada peneroka Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).
 - ▶ RM699 juta untuk pembangunan pekebun kecil dalam industri getah di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).
 - ▶ Menyatukan pekebun kecil getah, usahawan dan koperasi kecil untuk meningkatkan keupayaan mereka di bawah Program Transformasi Industri Getah Negara.
 - ▶ Geran padanan untuk memperkenalkan dan mengembangkan penggunaan perangsang lateks yang baru dibangunkan, RRIM Hydrobest kepada pekebun kecil getah.
 - ▶ RM190 juta untuk meneruskan Bantuan Musim Monsun.
- Pada tahun 2021, pelaburan bernilai RM211.4 juta telah diluluskan bagi 34 projek di bawah subsektor perladangan dan komoditi, iaitu peningkatan sebanyak 683 peratus daripada pelaburan sebanyak RM27 juta pada tahun 2020. Semua pelaburan di bawah subsektor perladangan dan komoditi merupakan DDI. Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 388 peluang pekerjaan. Majoriti projek adalah dalam perladangan kelapa sawit yang menyumbang nilai pelaburan sebanyak RM163.7 juta.

SUBSEKTOR PERLOMBONGAN TAHUN 2021



SUBSEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI TAHUN 2021



MALAYSIA KEKAL SEBAGAI DESTINASI PILIHAN BAGI SYARIKAT SEMIKONDUKTOR SERTA ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E)

MIDA bersama dengan *Malaysia Semiconductor Industry Association* (MSIA) telah menganjurkan sesi webinar *Seizing the Next Wave of E&E Investment into Malaysia* pada 15 September 2021. Sesi tersebut telah berlangsung dengan jayanya dan menerima penyertaan seramai 350 peserta terdiri daripada pengilang, penyedia perkhidmatan dan pelabur berpotensi.

Semasa sesi tersebut, Dato' Seri Wong Siew Hai, Presiden MSIA menegaskan bahawa sesi Webinar ini adalah penting untuk menyampaikan mesej bahawa sektor perniagaan Malaysia kini sedia untuk kembali beroperasi, dengan penekanan diberikan kepada kerjasama erat antara pihak Kerajaan dan syarikat dalam industri elektrik dan elektronik (E&E). Usaha ini akan menjadikan industri E&E Malaysia lebih kompetitif dan meningkat naik dalam rantaian nilai di peringkat global.


Malaysia berada pada kedudukan yang sangat penting dalam rantaian nilai semikonduktor di peringkat global. Pada tahun 2020, industri E&E merekodkan eksport sebanyak RM386 bilion iaitu 39.4 peratus daripada keseluruhan eksport pada tahun tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Wira Arham Abdul Rahman semasa sesi yang sama menegaskan bahawa Malaysia perlu ke

hadapan untuk mengambil peluang dalam industri E&E, khususnya bagi segmen semikonduktor. Perkembangan ini adalah penting memandangkan semakin banyak syarikat global di Malaysia mencari peluang untuk membangunkan teknologi baharu, mempelbagaikan produk dan meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat.

Seiring dengan usaha tersebut, pakej rangsangan ekonomi yang dikenali sebagai Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah diperkenalkan untuk menyokong pemain industri baharu serta pemain industri sedia ada dan sekaligus mempromosikan perkembangan industri E&E di Malaysia. Inisiatif ini akan membantu pemain industri untuk mengekalkan pekerja, memenuhi permintaan pasaran dan kkal beroperasi dengan baik walaupun dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Pendekatan ini juga akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif dan menguntungkan seiring dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA). Pemain industri diseru untuk memanfaatkan pakej bantuan yang tersedia khususnya yang ditawarkan melalui MIDA.





04

AKTIVITI PENGGALAKAN PELABURAN

MEMPROMOSI PELABURAN YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

Sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara, mandat MIDA tersemai kuat dalam kalangan pemegang berkepentingan kami dalam pengendalian program-program mempromosi pelaburan bersama pemimpin industri serta para pelabur yang berpotensi dalam memangkin bidang pertumbuhan baharu dan mengukuhkan daya saing ekonomi Malaysia dengan lebih mampan. MIDA juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan dan menjadi sumber rujukan utama dalam memudahkan cara hubungan antara Malaysia dan negara-negara rakan pelaburannya.

Meskipun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar dan juga susutan aktiviti ekonomi di peringkat global sepanjang tahun 2021, MIDA teguh dalam melaksanakan mandat kami dengan lebih baik. Sebanyak 20 program webinar yang merangkumi pelbagai inisiatif dalam menerajui pelaburan asing dan juga domestik telah dianjurkan. MIDA turut menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Jerman, Amerika Syarikat dan Itali ke Malaysia bagi memastikan para pelabur dapat difasilitasi dengan inklusif bagi kelulusan serta keperluan akses untuk membuat keputusan pelaburan yang merentasi pelbagai industri, sektor dan pasaran.



Pengerusi MIDA, Dato' Abdul Majid Ahmad Khan menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Jerman ke Malaysia, H.E. Dr. Peter Blomeyer, pada 7 Januari 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Wira Arham Abdul Rahman telah menerima beberapa kunjungan hormat daripada kedutaan negara asing pada tahun 2021. Antaranya adalah daripada Duta Besar Amerika Syarikat, H.E. Brian McFeeters pada 21 September 2021 (gambar di tengah) dan daripada Duta Besar Itali H.E. Massimo Rustico (gambar di bawah) pada 6 Disember 2021.



PENGGALAKAN PELABURAN ASING

MENYEMARAKKAN ASPIRASI PELABURAN ASING BERKUALITI

Malaysia merupakan antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.

Penularan pandemik COVID-19 pada akhir tahun 2019 bukan sahaja telah menjelaskan kesihatan awam di seluruh dunia tetapi ianya juga telah memberikan kesan yang mendalam terhadap aliran perdagangan global termasuk rantaian

bekalan yang merangkumi sektor perkilangan dan perkhidmatan disebabkan oleh sekatan dan kawalan pergerakan yang dikenakan oleh hampir kesemua negara di dunia.

Di sebalik persekitaran ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah memperkenalkan dan merangka dasar-dasar pelaburan baharu bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan.



Muka depan *E-Newsletter* MIDA edisi April 2021 mempamerkan Misi Perdagangan dan Pelaburan yang diketuai oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali



E-Newsletter MIDA bagi edisi November 2021 memaparkan Lawatan Kerja Pengurusan Tertinggi MIDA di Amerika Syarikat, Republik Korea, UAE dan Republik Türkiye

Antara strategi dan inisiatif MITI dan MIDA adalah seperti berikut:



Menggubal Dasar Pelaburan Baharu Berteraskan **Aspirasi Pelaburan Nasional atau National Investment Aspirations (NIA)** yang akan menjadi panduan utama untuk memacu strategi baharu negara dalam membangunkan ekosistem pelaburan yang kondusif, menarik pelaburan berkualiti tinggi, berorientasikan teknologi termaju dan memastikan kelestarian jangka masa panjang serta mencipta peluang-peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau *Environmental, Social and Governance (ESG)* menjadi fokus penting dalam pelaksanaan NIA.



Memperkenalkan **pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan (relocate) operasinya ke Malaysia** ataupun menuju pelaburan baru dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa.



Menubuhkan **Unit Percepatan dan Koordinasi Projek atau Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)** di MIDA dan pelbagai platform digital seperti *InvestMalaysia* juga telah mempercepatkan kelulusan daripada pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia di setiap peringkat.

DIGITAL INVESTMENT OFFICE - YOUR ONE STOP FOR ALL DIGITAL INVESTMENT NEEDS

Welcoming Remarks and Special Address

ARHAM ABDUL RAHMAN

SURINA SHUKRI

Mengenal pasti sektor pertumbuhan ekonomi yang baharu seperti ekonomi digital. Selaras dengan *MyDIGITAL*, **Pejabat Pelaburan Digital atau Digital Investment Office (DIO)** telah ditubuhkan dengan sasaran untuk menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor ekonomi digital sehingga tahun 2025.



Menubuhkan **Pusat Sehenti untuk pelawat perniagaan jangka pendek atau One Stop Centre (OSC)** untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan sewaktu pandemik. Inisiatif OSC telah membantu sejumlah 3,223 syarikat yang telah diberikan kelulusan kemasukan bagi pelawat perniagaan jangka pendek dengan anggaran nilai pelaburan sebanyak RM171.82 billion.



Merangka **Misi Perdagangan dan Pelaburan serta Lawatan Kerja** yang lebih agresif dalam usaha untuk terus menarik kemasukan pelaburan-pelaburan baharu dan menggalakkan pelaburan semula dengan elemen-elemen teknologi tinggi seperti automasi pintar, Industri 4.0, pelaburan berintensifikasi pengetahuan, modal dan nilai tambah yang tinggi.



Menganjurkan **program-program dengan dewan perniagaan, institusi perbankan dan rakan-rakan strategik** yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa dan industri.

MALAYSIA MEMPERKENAL PUSAT PENGEMBARA PERNIAGAAN (BTC) DI KLIA UNTUK KEMUDAHAN KEMASUKAN PELAWAT PERNIAGAAN

Semasa pandemik COVID-19 sedang memuncak, ia ternyata telah menjelaskan sektor perniagaan, apabila sekatan sempadan negara diumumkan oleh Kerajaan untuk menghalang kemasukan warganegara asing ke negara ini termasuk pelawat perniagaan. Justeru, apabila keadaan beransur pulih, pelawat perniagaan mula dibenarkan masuk ke negara ini dengan mengambil kira keseimbangan yang perlu dicapai antara kepentingan ekonomi dan aspek kesihatan dan keselamatan.

Pusat Pengembala Perniagaan (BTC) telah dilancarkan dalam usaha memudahkan kemasukan pelawat perniagaan ke negara ini tanpa mengabaikan aspek kesihatan dan keselamatan. Pusat ini ditempatkan di pintu C36, Terminal Satelit, KLIA, yang mana ia dibuka kepada pelawat perniagaan jangka pendek yang hendak masuk ke negara ini.

Pelawat perniagaan jangka pendek diklasifikasikan sebagai pelawat perniagaan yang tidak mempunyai sebarang pas masuk khas dan bercadang untuk berada di negara ini tidak melebihi 14 hari, bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa One Stop Centre (OSC) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa.

BTC merupakan antara komponen utama kepada inisiatif OSC oleh Kerajaan Malaysia

untuk memudahkan pergerakan masuk dan keluar pelawat perniagaan.

Antara kemudahan yang disediakan adalah menyediakan ujian calitan RT-PCR sebaik sahaja pelawat perniagaan tersebut mendarat dan keputusan ujian akan diperoleh dalam masa tiga (3) jam sahaja. Setelah disahkan sihat, pelawat perniagaan tersebut akan terus ke laluan hijau khas yang disediakan di kaunter imigresen. Kemudian seorang pegawai khas akan ditugaskan kepada setiap pelawat perniagaan yang telah mempunyai jadual khusus semasa keberadaan di negara ini.

BTC merupakan bukti tindakan tangkas Kerajaan dalam memberi tindak balas kepada keadaan semasa yang sekali gus menjadi sebahagian daripada penyelesaian berterusan Kerajaan dalam menyeimbangkan aspek perniagaan, kesihatan dan keselamatan negara.

Malaysia merupakan negara yang pro-perniagaan dan mempunyai polisi pragmatik yang sangat menyokong persekitaran pelaburan di negara ini. Pendekatan perniagaan seumpama ini mendorong pelabur asing bukan sahaja untuk membuka perniagaan baharu di negara ini, malahan juga untuk mengembangkan dan mempelbagaikan perniagaan sedia ada mereka.


Pelancaran BTC ini juga merupakan suatu langkah yang jelas menunjukkan usaha berterusan Kerajaan dalam menjana semula ekonomi negara pada tahun 2021.



Dilancarkan pada 23 Mac 2021 oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di KLIA, BTC berfungsi untuk memudahkan pergerakan keluar dan masuk pelawat perniagaan di Malaysia.

MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN 2021


Sepanjang tahun 2021, usaha berterusan MIDA dalam meningkatkan aliran pelaburan asing yang berkualiti dapat disaksikan melalui penganjuran empat (4) Misi Perdagangan dan Pelaburan ke 10 buah negara iaitu Republik Korea, Jepun, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria, Republik Turkiye, Jerman, Perancis dan United Kingdom. Jumlah komitmen pelaburan yang berjaya diperolehi bagi kesemua Misi Perdagangan dan Pelaburan tersebut adalah sebanyak RM50 bilion yang berupaya mewujudkan lebih daripada 30,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.



MIDA memainkan peranan besar dalam mengeratkan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan dunia. (Gambar dari kiri) Misi Perdagangan dan Pelaburan MIDA di Korea, UAE dan Republik Austria.

LAWATAN KERJA PENGURUSAN TERTINGGI MIDA 2021

Selain daripada menjalankan Misi Perdagangan dan Pelaburan, Pengurusan Tertinggi MIDA juga telah menjalankan tiga (3) lawatan kerja pada tahun 2021 bagi tujuan menarik pelaburan asing berkualiti tinggi.



(Gambar dari kiri) Lawatan Kerja Pengurusan Tertinggi MIDA ke Seoul, Istanbul dan San Jose pada tahun 2021.

PROGRAM-PROGRAM BERSAMA KOMUNITI PERNIAGAAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

MIDA juga terlibat secara langsung dalam mengendalikan program-program bersama komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa melalui webinar yang diadakan secara atas talian. Program-program ini dijalankan bagi menggiatkan lagi usaha promosi di samping memberi pendedahan dan maklumat terkini mengenai potensi pelaburan di Malaysia kepada syarikat-syarikat dan pihak berkepentingan.

PROGRAM-PROGRAM WEBINARTAHUN 2021

26 Januari 2021 Invest ASEAN - CARI	4 Februari 2021 Webinar OSC bersama Malaysian Dutch Business Council (MDBC)	4 Februari 2021 British High-Comm Virtual Meeting	22 Februari 2021 Webinar bersama Women Entrepreneurs Committee (WEC), Malaysia-China Chamber of Commerce (MCCC)
4 Mac 2021 Ambassador Briefing - EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUROCHAM Malaysia)	4 Mac 2021 German Malaysia Roundtable (GMRT) Webinar	2 Mac 2021 Webinar OSC bersama American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM)	23 Februari 2021 Webinar OSC bersama Malaysian-Swedish Business Association (MASBA)
10 Mac 2021 Webinar bersama UBS Bank	12 Mac 2021 Webinar OSC bersama British-Malaysian Chamber of Commerce (BMCC)	18 Mac 2021 Webinar bersama EUROCHAM	2 April 2021 Webinar OSC bersama Standard Chartered
13 April 2021 Webinar BMCC - Virtual Export Market Visit	12 April 2021 Webinar OSC bersama Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC)	9 April 2021 Webinar bersama Japanese Chamber of Trade & Industry, Malaysia (JACTIM)	6 April 2021 Webinar bersama Japan External Trade Organisation (JETRO)
15 April 2021 Webinar OSC bersama UOB	20 April 2021 Webinar bersama UOB, Rödl & Partner dan MIDA	22 April 2021 Online Engagement with RERO companies	20 Mei 2021 Webinar bersama Taipei Investors' Association In Malaysia (TIAM)
1 Julai 2021 HSBC Webinar - EUROPE ASEAN Roadshow	21 Jun 2021 SME Webinar - Georgia	3 Jun 2021 Webinar bersama Standard Chartered Bank (SCB) on Hong Kong's Market	1 Jun 2021 Webinar bersama Citibank Group
3 Julai 2021 Webinar bersama ACCCIM Youth Entrepreneurs Conference (YEC)	1 Ogos 2021 ASEAN-BAC Malaysia Consultation Meeting - UK Session	18 Ogos 2021 MABC Webinar - Challenges for Business Travellers During the Pandemic and Beyond	7 September 2021 BMCC-Northern PowerHouse Virtual Trade Mission
23 September 2021 5th Investment Working Group under Malaysia Taiwan Economic Committee	17 September 2021 Webinar bersama South Taiwan Science Park	17 September 2021 ASEAN-BAC Malaysia Consultation Meeting - China Session	17 September 2021 ASEAN-BAC Malaysia Consultation Meeting - US Session
14 Oktober 2021 ASEAN-BAC Malaysia Consultation Meeting - UK Session	29 Oktober 2021 Webinar bersama Industrial and Commercial Bank of China (ICBC)	17 November 2021 Webinar MIDA Assessment Development Centre (MADC) - International Chambers Chapter	29 November 2021 Webinar bersama Citibank Research Singapore
			20 Disember 2021 Austrian Business Circle



Pasukan MIDA telah mengadakan Webinar *InvestMalaysia Goes Live!* pada 24 Mac 2021. *InvestMalaysia* adalah portal permohonan projek pelaburan atas talian sebagai gerbang tunggal bagi pelabur untuk mengakses status permohonan dan acara promosi oleh MIDA.

PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

MIDA juga telah menandatangani sebanyak enam (6) Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Bank-Bank Antarabangsa, Syarikat Pelaburan dan juga Institusi Teknikal pada tahun 2021.

MoU tersebut dimeterai sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara MIDA dan pihak-pihak berkepentingan dalam menarik lebih banyak pelaburan yang berpotensi tinggi. Sebagai contoh, MIDA telah menandatangani MoU dengan syarikat Austria Technologie & Systemtechnik AG (AT&S) bagi menjalankan kerjasama dengan universiti dan institusi pengajian tempatan dalam menjalankan

aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga kerjasama pendidikan yang melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada rakyat Malaysia. Syarikat AT&S merupakan sebuah syarikat terkemuka dunia yang berpengkalan di Austria dan telah membuat keputusan untuk melabur di Malaysia pada tahun 2021.

MoU juga merupakan salah satu inisiatif MIDA dalam memastikan ekosistem pelaburan di Malaysia terus kekal kompetitif dan berdaya tahan untuk para pelabur dan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur di rantau ini.



Penandatanganan MoU di antara MIDA and AT&S bersempena dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan di Austria bagi menyokong pelaburan berkualiti di Malaysia.

MoU PADA TAHUN 2021



22 Februari 2021

Menandatangani MoU bersama CETIM
Atas Talian



16 Mac 2021

Menandatangani MoU bersama UMW Corporation
MIDA



7 Ogos 2021

Menandatangani MoU bersama HSBC
Atas Talian



9 Julai 2021

Menandatangani MoU bersama AT&S
Austria



8 September 2021

Menandatangani MoU bersama Citibank Berhad
Atas Talian

PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK

MEMPERKASA DAYA TAHAN PELABURAN DOMESTIK

Penularan pandemik COVID-19 dan pelbagai cabaran yang dihadapi dari sudut ekonomi telah mencetuskan krisis kesihatan dan ekonomi sedunia pada skala yang tidak pernah dialami di peringkat global sejak 1930-an. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima tumparan hebat kesan penularan wabak berkenaan. Pandemik COVID-19 telah mengubah gaya hidup masyarakat

dan meninggalkan impak ekonomi yang besar terhadap setiap lapisan masyarakat sama ada di bandar maupun di luar bandar.

Kerajaan telah mengorak langkah berani dan proaktif termasuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung jangkitan COVID-19. Pada masa yang sama, Kerajaan

juga telah memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi bagi membantu rakyat dan pemain-pemain industri agar mereka terus bertahan dalam menghadapi cabaran ekoran wabak ini.

Pakej bantuan dan rangsangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah menyeluruh dan setanding dengan negara jiran serantau serta negara maju yang lain. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM150 bilion di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH) seperti yang diumumkan pada 28 Jun 2021.

Antara strategi promosi pelaburan domestik yang dijalankan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Menggalakkan Inovasi

- ▶ Menggalakkan kerjasama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat permulaan (*startup*) bagi penggunaan teknologi baharu; dan
- ▶ Menarik minat syarikat tempatan untuk membangunkan produk yang kompleks melalui R&D tempatan yang tinggi dan berinovasi dan selanjutnya meningkatkan jangkauan ke pasaran bernilai tambah tinggi.

Memajukan Teknologi Digital dan Daya Saing untuk Meningkatkan Kecekapan

- ▶ Menggalakkan penerimangunaan teknologi dan inovasi sebagai pemangkin asas bagi pertumbuhan di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Proses pendigitalan akan dipercepat dan penerimangunaan teknologi termaju, khususnya teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), akan digalakkan bagi mencapai ekonomi berdasarkan teknologi tinggi; dan
- ▶ Memperluaskan sektor produktiviti tinggi dengan menggalakkan pengeluaran produk dan perkhidmatan baharu di dalam negara.

Membangunkan Bakat Masa Hadapan

- ▶ Menumpukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang; dan
- ▶ Mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan termasuk yang berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi.

Dalam menangani cabaran ini, MIDA sentiasa bekerjasama dengan MITI sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan kegiatan ekonomi negara terus mampan dan berdaya saing, serta proaktif dalam membantu pemain-pemain industri domestik dan pelabur-pelabur asing yang beroperasi di Malaysia.

MIDA melalui Bahagian Pelaburan Tempatan (DI) dan pejabat-pejabat MIDA Negeri secara berterusan berusaha untuk mengekalkan momentum dan menjalankan aktiviti penggalakan pelaburan domestik bagi memperkuatkannya ekosistem perniagaan negara.

MIDA BEKERJASAMA DENGAN UNIVERSITI TEMPATAN MEMACU KETERSEDIAAN GRADUAN MENGHADAPI INDUSTRI 4.0

MIDA sebagai agensi pelaburan utama, sentiasa menitikberatkan aspek pelaburan secara menyeluruh dengan mengambil kira keperluan pada masa hadapan. Justeru, MIDA tidak terlepas pandang dalam menjalankan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan melalui pelbagai program dalam mempersiapkan graduan ke alam perkerjaan.

Komitmen MIDA terhadap usaha ini telah dimanifestasikan menerusi MIDA Assessment Development Center (MADC) *HyTalent Programme*. Program ini telah dijalankan bersama tiga (3) universiti awam terkemuka Malaysia iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui penandatanganan sebuah Memorandum Perjanjian (MoA).

Program MADC *HyTalent* diluluskan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (2021 – 2022) dan merupakan usaha kerajaan untuk merancakkan ekonomi selepas berlakunya pandemik dengan penekanan diberikan kepada peluang pekerjaan.

Program ini merupakan projek peneraju yang merangkumi enam (6) bulan pendedahan dan enam (6) bulan latihan industri untuk membangunkan graduan menerusi latihan kepimpinan dan teknikal yang berstruktur seiring dengan keperluan industri semasa. Kandungan latihan ini telah dirangka hasil

kolaborasi bersama universiti tempatan selain pemain industri tempatan dan antarabangsa. Jalinan kerjasama ini akan memastikan tenaga pakar yang dicerna di peringkat universiti adalah seiring dengan keperluan industri khususnya dalam pengadaptasian *Internet of Things* (IoT) dan *Industrial Internet of Things* (IIoT).

Selain itu, Program MADC *HyTalent* ini juga dijangka akan berjaya menghasilkan 500 tenaga pakar tersedia yang berkemahiran dalam IoT dan IIoT yang mampu memperoleh pendapatan tinggi setelah menamatkan pengajian. Ini adalah bukti usaha berterusan. Kerajaan dalam memfokuskan penghasilan perkerjaan bernali tinggi sebagai manfaat kepada hasil pelaburan negara, sekali gus memperkasakan ekosistem industri secara keseluruhan bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam pasca pandemik COVID-19.

Penandatanganan MOA ini telah disaksikan oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali. Beliau turut merumuskan bahawa program MADC *HyTalent* adalah seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk membangun dan mempersiapkan tenaga kerja masa hadapan yang berkemahiran dalam Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dengan memastikan mereka sentiasa mengadaptasi perubahan teknologi semasa yang berkembang pesat sekali gus memenuhi keperluan industri.



MIDA menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan UKM, UTM dan UPM bagi pelaksanaan Program MADC *HyTalent* yang disaksikan oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali pada 8 Oktober 2021.

Meningkatkan Kemampuan Rantaian Bekalan dan Penyertaan dalam Rantaian Nilai Global

- ▶ Meningkatkan kemampuan rantaian bekalan sektor perkilangan bagi input asas untuk produk pengilangan dengan mengenal pasti jurang yang wujud dalam rantaian bekalan sedia ada; dan
- ▶ Menggalakkan syarikat tempatan untuk meningkatkan kerjasama dengan syarikat asing bagi memudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan serta membangunkan tenaga kerja tempatan yang mahir.

Meningkatkan Kemudahan Pembiayaan di sepanjang Kitaran Hayat Perniagaan

- ▶ Meningkatkan peluang pembiayaan alternatif kepada syarikat dan pelabur untuk mempelbagaikan dan mengembangkan portfolio pelaburan; dan
- ▶ Membangunkan pembiayaan alternatif yang teguh sebagai pelengkap kepada sistem perbankan.

Menggandakan Pertumbuhan Ekonomi Negeri

- ▶ Memberi perhatian kepada ketidakseimbangan ekonomi di peringkat negeri dengan membantu menggalakkan pembangunan di kawasan dan komuniti yang kurang mendapat perhatian; dan
- ▶ Merapatkan jurang pembangunan antara negeri bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang.

Sebagai usaha untuk menggalakkan pelaburan domestik, Bahagian DI dan pejabat-pejabat MIDA Negeri akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut:

Mempamerkan Landskap Pelaburan Domestik

MIDA Invest Series Conference: Menyerlahkan Potensi Pelaburan oleh Setiap Negeri

Objektif program ini adalah untuk memaklumkan komuniti perniagaan mengenai peluang pembangunan dan pelaburan terkini oleh setiap negeri di dalam negara. Platform ini juga dapat memberi ruang kepada para peserta untuk berbincang secara terus mengenai sebarang cadangan pelaburan dengan agensi dari negeri yang berkaitan. Pada tahun 2021, 11 negeri telah membuat pembentangan

iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan dan Johor. Program ini akan diteruskan dengan siri kedua yang akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Meningkatkan Daya Saing Syarikat Tempatan Melalui Pembentukan Ekosistem Pelaburan yang Komprehensif

Inisiatif Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP)

Syarikat-syarikat dan pelaburan domestik merupakan penggerak utama ekonomi

negara. Namun begitu kebanyakan syarikat tempatan hanya fokus kepada perniagaan teras mereka di dalam negara dan tidak mempunyai daya saing yang tinggi untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan syarikat-syarikat multinasional (MNC) ataupun meluaskan operasi perniagaan ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Melalui program-program dan sesi perbincangan bersama syarikat-syarikat tempatan, MIDA telah mengenal pasti dua (2) faktor utama yang menjadi halangan kepada mereka untuk meluaskan operasi perniagaan. Faktor-faktor tersebut adalah:

- (i) Kekurangan atau ketidadaan sumber kewangan tambahan; dan
- (ii) Kadar penggunaan teknologi maju dan terkini yang rendah di dalam proses pengilangan dan perniagaan.

Dalam usaha kami menangani cabaran tersebut, MIDA telah mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan satu pasukan yang berdedikasi melalui Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP) untuk membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pasukan ini bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pusat-pusat penyelidikan, penyedia teknologi, institusi kewangan serta firma penasihat pelaburan dan ekuiti di dalam membantu syarikat-syarikat tempatan mengenal pasti ekosistem pelaburan yang diperlukan bagi pertambahan nilai dan peningkatan daya saing perniagaan mereka. Antara inisiatif-inisiatif yang diketengahkan untuk membentuk ekosistem pelaburan domestik yang lebih komprehensif adalah seperti berikut:

- ▶ Suntikan dana pelaburan sebanyak USD10 juta melalui pemilikan ekuiti sebanyak 10 peratus ke dalam syarikat fintech tempatan oleh pelabur kewangan dari United Kingdom bagi membolehkan syarikat fintech tersebut mengembangkan perniagaan ke pasaran antarabangsa. Perjanjian di antara kedua pihak telah ditandatangani pada bulan Mac 2021.



Pertukaran dokumen perjanjian projek di antara DSR Taiko Berhad dengan SIRIM Tech Venture untuk 'Penyelesaian Holistik daripada Ladang kepada Pengguna' (O2C) pada 22 Disember 2021.

- ▶ Perjanjian persefahaman di antara syarikat pengusaha dan pemasaran durian Musang King, D'Masking iaitu DSR Taiko Berhad dengan SIRIM Tech Venture untuk tujuan penyelidikan dan penggunaan teknologi Industri 4.0 untuk melaksanakan sistem aplikasi *Farm Management System* bagi kemudahan pengurusan ladang, pembekalan dan pemasaran. Kedua-dua pihak telah mula memperhalusi terma rujukan semenjak bulan April 2021.

- ▶ Membuka dan menerokai ruang kerjasama penyelidikan dan pemasaran dalam kalangan syarikat tempatan di dalam sektor pertanian dan penternakan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti FAMA, Jabatan Pertanian dan MARDI. Usahasama ini telah dimulakan semenjak bulan Februari 2021.

- ▶ Menerajui usaha padanan perniagaan bagi pembiayaan kewangan untuk projek perkilangan oleh pelabur dari Jerman dengan institusi kewangan tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia. Perbincangan di antara pihak-pihak yang berkaitan telah dimulakan pada bulan Januari 2021.

- ▶ Membantu syarikat tempatan di dalam sektor Teknologi Hijau (memproses bahan sisa pepejal menjadi sumber tenaga baharu) untuk mendapatkan pembiayaan kewangan bagi

melaksanakan projek di Perlis dan Johor. Perbincangan dengan institusi kewangan yang dikenalpasti telah berlangsung semenjak bulan Jun 2021.

- ▶ Mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan di dalam sektor farmaseutikal bagi tujuan padanan perniagaan dan usahasama dengan syarikat asing. Perbincangan di antara syarikat asing dan syarikat tempatan telah bermula semenjak bulan Mac 2021.

Program startup

Bagi meningkatkan penggunaan teknologi baharu dan inovasi oleh syarikat tempatan serta membantu pembangunan keupayaan syarikat *startup*, MIDA dengan kerjasama agensi berkaitan pembangunan *startup* telah mewujudkan platform kepada pemain industri untuk meneroka potensi pelaburan dan penerapan teknologi oleh syarikat-syarikat *startup*.

Pada tahun 2021, MIDA telah menganjurkan dua (2) program bersama *Cyberview Living Lab Accelerator* yang melibatkan 14 buah syarikat *startup* dan penglibatan seramai 830 peserta pemain industri. Objektif utama program adalah seperti berikut:

- ▶ Membantu pemain industri domestik untuk kekal berdaya saing dan mampan dengan mempergiatkan inovasi dalam operasi perniagaan mereka;



Cyberview Living Lab Accelerator Pitching Programme Series II diadakan secara atas talian pada 23 September 2021.

- ▶ Membolehkan pemain industri domestik meneroka hasil penyelidikan dan inovasi berpotensi yang boleh memberi kesan dan merevolusikan industri mereka;
- ▶ Memfasilitasi syarikat *startup* tempatan dalam memasarkan perkhidmatan mereka yang dapat memenuhi keperluan industri dan masyarakat;
- ▶ Memudahkan pihak berkepentingan bagi memulakan kerjasama penyelidikan-industri dalam menukar output penyelidikan kepada inovasi dan membuat laluan kepada kemasukan pasaran; dan
- ▶ Menarik perhatian pasaran dan pelabur masa depan dengan mengadakan pembiayaan perniagaan untuk syarikat *startup*.

Memperkasakan Syarikat Tempatan yang Berpotensi Tinggi

SME Investment Desk

Inisiatif ini bertindak sebagai Pusat Sehenti atau *One Stop Centre* untuk membantu dan memberi khidmat nasihat kepada PKS mengenai inisiatif dan fasiliti Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan PKS khususnya yang disalurkan melalui MIDA. Ini selanjutnya akan meningkatkan produktiviti syarikat serta pada masa yang sama membentuk kerjasama perniagaan yang mampan melalui pembangunan rantaian bekalan peringkat tempatan, serantau dan global.

Pada tahun 2021, MIDA telah menganjurkan lebih daripada 40 program termasuk mesyuarat meja bulat, sesi *networking* secara maya dan pelbagai program *outreach* melalui pejabat-pejabat negeri MIDA.

Libat Urus Bersama Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan

Inisiatif ini adalah salah satu daripada platform untuk menyalurkan maklumat

PROGRAM VIRTUAL ARTIFICIAL INTELLIGENCE FOR SMEs (AI4S) KALI KEDUA, MANIFESTASI SOKONGAN BERTERUSAN PAKAR DI MALAYSIA KEPADA PEMAIN INDUSTRI TEMPATAN UNTUK MENGADAPTAI ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

MIDA dengan jayanya telah menganjurkan program *Virtual Artificial Intelligence for SMEs* (AI4S) untuk kali kedua pada 27 Oktober 2021. Program ini adalah hasil kerjasama bersama Intel Malaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Acara ini merupakan acara susulan daripada AI4S pertama yang dianjurkan sebelumnya dan pada masa itu Intel Malaysia dan MPC telah memberikan *AI Starter Kits* kepada 100 syarikat tempatan yang terpilih. Syarikat – syarikat ini sedang dalam proses mengadaptasi teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dalam proses perniagaan mereka seiring dengan keperluan Industri 4.0.

Semasa program AI4S ini, Intel Malaysia menyatakan komitmen untuk menawarkan kad *Field-Programmable Gate Array* (FPGA)

kepada syarikat yang terlibat. Kad FGPA merupakan suatu kaedah yang sangat baik yang membolehkan kit AI menjadi lima kali lebih berkuasa daripada kit AI sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Wira Arham Abdul Rahman menggalakkan lebih banyak syarikat multinasional untuk mengikuti jejak langkah Intel bagi memberi sumbangan kepada industri negara melalui kepakaran yang dimiliki dan meningkatkan daya saing syarikat tempatan.

Seiring dengan komitmen Kerajaan, MIDA menyeru pemain industri untuk memanfaatkan kemudahan dan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan di bawah inisiatif *Industry4WRD*. Ini termasuk penyertaan dalam program *Readiness Assessment* (RA) untuk menganalisis kemampuan dan ketersediaan syarikat dalam mengadaptasi Industri 4.0.



Program Virtual Artificial Intelligence for SMEs (AI4S) kali kedua hasil kolaborasi di antara MIDA, MPC dan Intel Malaysia bagi memperkasakan syarikat tempatan dalam mulakan perjalanan mereka ke arah Industri 4.0.

terkini kepada syarikat-syarikat PKS tempatan mengenai peranan dan kemudahan pelaburan oleh MIDA. Setiap mesyuarat dan sesi dialog ini diadakan melalui kerjasama dengan Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan bagi mempromosikan pelaburan domestik dan pada masa yang sama menggalakkan interaksi di antara MIDA dan pemain industri dalam mengurangkan kesan pandemik COVID-19 yang dihadapi oleh perniagaan domestik.

MIDA telah menganjurkan dua (2) program tersebut bagi tempoh 2021. Program tersebut dihadiri seramai 1,292 peserta daripada persatuan-persatuan industri dan dewan perniagaan tempatan didalam negara.

Seminar Pelaburan Domestik

Seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MIDA untuk menyampaikan maklumat terkini kepada pemain industri mengenai dasar dan

kemudahan terkini yang sedia ada. Seminar ini memberi peluang kepada komuniti perniagaan untuk mengadakan rangkaian dengan agensi-agensi kerajaan lain dan berbincang mengenai potensi kerjasama perniagaan.

Bagi tempoh 2021, sebanyak dua (2) program telah dianjurkan oleh MIDA di bawah program ini yang dihadiri seramai 1,614 peserta daripada 1,200 lebih syarikat di Malaysia.

Misi Projek Khusus Domestik / Domestic Specific Project Mission (DSPM)

Inisiatif ini dilakukan oleh Bahagian-Bahagian Industri dan Perkhidmatan di MIDA dengan mengadakan perjumpaan secara fizikal dan/atau atas talian dengan syarikat-syarikat berpotensi di seluruh negara bagi membincangkan rancangan pelaburan syarikat. Inisiatif khusus ini akan memudahkan syarikat-syarikat untuk merealisasikan cadangan penubuhan kilang pembuatan baharu atau mengembangkan aktiviti pengeluaran mereka di dalam negara.

Bagi tempoh 2021, sebanyak 13 program DSPM telah dianjurkan oleh MIDA.

Mengglobalisasikan Pemain Industri Tempatan melalui Program Rantaian Bekalan (Supply Chain Programme)

MIDA telah merangka dan mengadakan Program Rantaian Bekalan (Supply

Chain Programme) bagi memudahkan syarikat-syarikat MNC dan syarikat besar tempatan yang beroperasi di Malaysia untuk membuat penyumberan luar bagi sebahagian daripada aktiviti pengilangan atau pembekalan bahan mentah atau komponen mereka. Melalui inisiatif ini, syarikat tempatan akan diberi peluang untuk melengkapkan ekosistem pelbagai industri yang sedia ada dan menjadi pembekal kepada syarikat MNC serta syarikat besar tempatan.

MIDA juga menggalakkan kolaborasi strategik di antara syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat MNC, institusi kewangan dan juga penyedia teknologi bagi meningkatkan keupayaan teknologi di kalangan syarikat tempatan.

Objektif program ini adalah untuk mengalakkan MNC/syarikat-syarikat besar tempatan untuk:

- ▶ Mewujudkan peluang untuk syarikat tempatan dan mengurangkan jurang dalam rantaian bekalan;
- ▶ Menyokong dan mewujudkan peluang MNC/syarikat besar tempatan untuk penyumberan luar produk atau aktiviti pengilangan mereka kepada syarikat-syarikat domestik;
- ▶ Membangun dan meningkatkan keupayaan syarikat tempatan bagi pertumbuhan industri dalam negara; and
- ▶ Menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk mengadaptasi automasi



Webinar Misi Projek Khusus Domestik (DSPM) Melaka dan Johor: Fasilitasi Kerajaan bagi Industri Teknologi Hijau yang telah diadakan pada 24 - 25 Mei 2021 ketika tempoh kawalan pergerakan.

dan Industri 4.0 bagi syarikat MNC dan syarikat vendor tempatan.

Pada 2021, MIDA telah mengadakan program dan perjumpaan dengan 28 syarikat MNC dan syarikat besar tempatan yang melibatkan 132 syarikat vendor tempatan daripada pelbagai sektor yang telah diperkenalkan kepada syarikat MNC/syarikat besar tempatan tersebut untuk disenaraikan pendek dan berpotensi sebagai pembekal mereka. Program ini juga turut melibatkan Program Memfasilitasi Vendor (*Vendor Facilitation Programme*) kepada syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk dipilih oleh syarikat MNC/syarikat besar tempatan untuk lebih berdaya saing dan menjadi sebahagian daripada pemain industri global.

Mempromosi Kawasan Perindustrian Melalui Platform Digital

Langkah-langkah mempromosi kawasan perindustrian menjadi antara pemangkin utama untuk merangsang semula ekonomi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pemilihan kawasan perindustrian yang sesuai memainkan peranan yang sangat besar kepada pelabur berpotensi terutamanya dari segi faktor kedudukan, logistik, kemudahan infrastruktur serta ekosistem ekonomi di sekeliling kawasan tersebut.

SOROTAN AKTIVITI PROMOSI PELABURAN DOMESTIK 2021

Sejarah Pelaburan Domestik

24 Februari 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Seminar Pelaburan Domestik: Webinar Siri I/2021 Tema: 'Inovasi dan Peralihan kepada Perniagaan Baharu Model'

20 April 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Seminar Pelaburan Domestik: *'Business as [un]usual - Investment Prospect in Negeri Sembilan and Malaysia'*

Penularan COVID-19 menyebabkan kebanyakan industri termasuk jualan secara runcit atau pukal serta sektor perkhidmatan untuk beralih kepada sistem digital dan atas talian. Ini kerana wabak COVID-19 telah menyukarkan aktiviti mempromosi barang secara tradisional.

Turut terkesan adalah aktiviti mempromosi kawasan perindustrian secara fizikal oleh agensi terbabit baik kepada pelabur luar maupun pelabur domestik. Oleh yang demikian, Sistem Maklumat Geografi MIDA (MIDA GIS) dengan penambahbaikan Papan Pemuka Kawasan Perindustrian telah diwujudkan. Platform digital ini digunakan oleh MIDA bagi mempromosi kawasan-kawasan perindustrian sedia ada di Malaysia.

Sistem MIDA GIS ini turut memberi ruang kepada pemilik atau pihak pemaju kawasan perindustrian untuk mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian mereka. Selain daripada itu, platform ini juga bertindak sebagai satu pusat pengumpulan atau pangkalan data berkaitan kawasan perindustrian di Malaysia.

MIDA GIS dapat memberikan pelabur berpotensi gambaran berkenaan kawasan perindustrian di dalam negara yang bersesuaian dengan aktiviti perniagaan yang ingin dijalankan.

MIDA Pocket Talks bersama Persatuan/ Dewan Perniagaan/Pembekal Syarikat Multinasional

18 Februari 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Briefing on Smart Automation Grant under MIDA (with selected associations)

3 Mei 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Taklimat: MIDA One Stop Centre (OSC) for Business Travellers to Domestic Associations & Chamber of Commerce and Industry

Platform Koordinasi Pelaburan Domestik

10 April 2021
Bentong, Pahang
Fizikal
Pembukaan rasmi D'MasKing Outlet

3 Jun 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Taklimat mengenai skop DICP kepada pelabur domestik, Amacron

24 Jun 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
Taklimat mengenai skop DICP kepada pelabur domestik, SERHijau Group



Pembukaan kedai D'MasKing, inisiatif mempromosi produk durian secara *farm to table*, yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, En. Ahmad Khairuddin Abdul Rahim di Bentong, Pahang.

Program Rantaian Bekalan

Julai 2020 – September 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Jabil Circuit Sdn. Bhd.

24 – 26 Mac 2021
Perak
Fizikal
Lawatan Kerja ke Perak – Program Rantaian Bekalan

1 April 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Aspen Glove Sdn. Bhd.

16 April 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Sternmaid Asia Sdn. Bhd.

9 April 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Dexcom (Malaysia) Sdn. Bhd.

4-6 April 2021
Kedah
Fizikal
Lawatan Kerja ke Kedah - Program Rantaian Bekalan

23 April 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
MOLEX Malaysia Sdn. Bhd.

3-5 Mei 2021
Pahang
Fizikal
Lawatan Kerja ke Pahang - Program Rantaian Bekalan

12 Mei 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Smith Detection Malaysia Sdn. Bhd.

12 Ogos 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar
FMM Industrial Linkage Programme Soft Launch

7 Julai 2021
MIDA Sentral, Kuala Lumpur
Webinar/Email
Ultimate Machining Solutions Malaysia Sdn. Bhd.



100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia adalah salah satu daripada pameran yang telah disertai oleh MIDA. Selain daripada mengadakan reruai pameran, MIDA juga telah memeterai memorandum persefahaman dengan Intel Malaysia bagi mengembangkan ekosistem penyelidikan dan pembangunan bakat dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) negara.





05 PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalam yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
17 OKTOBER 2022



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(Pindaan) 2011)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH

Kami, **DATUK ARHAM ABDUL RAHMAN** dan **TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,



DATUK ARHAM ABDUL RAHMAN

PENGERUSI

23 MEI 2022

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,



TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI

AHLI JEMAAH


23 MEI 2022

KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **ZALINA ZAINOL** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di KUALA LUMPUR
pada 23 MEI 2022



ZALINA ZAINOL

Di hadapan saya,



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	3	247,195,495	137,851,134
Deposit dengan Institusi Kewangan		-	50,000,000
Berlesen			
Pinjaman dan Akaun Belum Terima			
bagi Urus Niaga Pertukaran	4	10,589,030	8,710,052
Kupon Belum Terima	5	2,120,000	2,120,000
Pendahuluan Geran	6	30,983,366	36,414,193
Jumlah Aset Semasa		290,887,891	235,095,379
Aset Bukan Semasa			
Pinjaman dan Akaun Belum Terima	4	4,020,919	6,216,383
bagi Urus Niaga Pertukaran	5	23,911,518	24,619,164
Kupon Belum Terima	7	7,226,328	21,108,244
Loji dan Peralatan	8	120,533,242	122,878,314
Aset Pajakan	9	17,888,900	391,121
Aset Tak Ketara	10	326,810	326,810
Hartanah Pelaburan			
Jumlah Aset Bukan Semasa		173,907,717	175,540,036
Jumlah Aset		464,795,608	410,635,415
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	11	105,146,473	36,890,482
Geran Tertunda	12	153,810,225	160,445,184
Peruntukan Imbuhan Tahunan	13	5,844,300	3,300,000
Obligasi Pajakan	14	1,240	1,240
Manfaat Pekerja	15	830,569	1,138,134
Jumlah Liabiliti Semasa		265,632,807	201,775,040

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021
(SAMBUNGAN)**

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
Liabiliti Bukan Semasa			
Akaun Belum Bayar	11	126,728	284,129
Obligasi Pajakan	14	25,019	25,037
Manfaat Pekerja	15	13,149,599	12,696,203
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		13,301,346	13,005,369
Jumlah Liabiliti		278,934,153	214,780,409
Aset Bersih		185,861,455	195,855,006
ASET BERSIH/EKUITI	16		
- Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus		182,511,455	192,505,006
- Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer		350,000	350,000
- Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		185,861,455	195,855,006

68

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran			
Penerimaan daripada Geran Kerajaan	17	160,000,000	152,000,000
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		206,287,256	315,426,529
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		26,106,301	1,130,820
Pendapatan Tertunda daripada Akaun Pembangunan MIDA		7,932,183	1,726,543
Jumlah Hasil		406,919,892	477,687,763
Hasil daripada Urusniaga Pertukaran			
Pendapatan Sewaan	18	578,000	813,342
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	19	2,851,521	4,105,304
Lain-lain Pendapatan	20	3,158,960	2,485,173
Hutang Ragu Dikutip		5,671	52
		6,594,152	7,403,871
Jumlah Belanja		416,066,079	482,230,160
Belanja			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	21	106,130,490	101,080,319
Perbelanjaan Sewaan		24,069,079	22,471,200
Perkhidmatan Ikhtisas/Lain dan Hospitaliti		24,084,327	21,082,356
Belanja Susutnilai dan Pelunasan	22	9,206,580	3,538,062
Penjejasan Aset Kewangan		-	11,032
Hutang Lapuk		-	15,402
Perhubungan dan Utiliti		6,450,908	6,797,035
Pembaikan dan Penyelenggaraan		7,316,662	5,142,028
Perjalanan dan Sara Hidup		3,507,378	2,278,446
Belanja Faedah		1,222	1,222
Belanja Lain	23	4,951,076	2,971,667
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		206,287,256	315,426,529
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		24,061,101	1,130,820
Pelunasan daripada Akaun Pembangunan MIDA		-	284,042
Jumlah Belanja		416,066,079	482,230,160

69

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
Kurangan Lain			
Keuntungan atas Penjualan Loji dan Peralatan		74,224	29,561
Kerugian atas Pertukaran Matawang Asing		(921,588)	(637,938)
		(847,364)	(608,377)
Kurangan Tahun Semasa		(9,993,551)	(5,150,774)

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021

	Bab	01	02	03	04	05
Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan Nota 16 RM						
169,708,594	350,000	3,000,000	173,058,594			
- 27,947,186	-	-	- 27,947,186			
197,655,780	350,000	3,000,000	201,005,780			
Baki pada 1 Januari 2020						
- Dinyatakan tahun sebelum						
- Pelarasan tahun terdahulu						
Baki pada 1 Januari 2020 seperti dinyatakan semula						
Kurangan untuk tahun 2020						
-Dinyatakan sebelum						
-Pelarasan tahun sebelum (Rujuk Nota 31)						
Baki pada 31 Disember 2020 seperti dinyatakan semula						
192,505,006	350,000	3,000,000	195,855,006			
Baki pada 1 Januari 2021						
- Dinyatakan tahun sebelum						
- Pelarasan tahun terdahulu (Rujuk Nota 31)						
Baki pada 1 Januari 2021 seperti dinyatakan semula						
Kurangan untuk Tahun 2021						
Baki pada 31 Disember 2021						
192,469,522	350,000	3,000,000	195,819,522			
- 35,484	-	-	- 35,484			
192,505,006	350,000	3,000,000	195,855,006			
(9,993,551)	-	-	(9,993,551)			
182,511,455	350,000	3,000,000	185,861,455			

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan tahun semasa		(9,993,551)	(5,150,774)
Pergerakan bukan tunai			
Susutnilai Loji dan Peralatan		2,069,749	640,610
Pelunasan Aset Tak Ketara		4,791,757	333,851
Pelunasan Aset Pajakan		2,345,072	2,558,036
Belanja Faedah		1,222	1,222
Keuntungan atas Penjualan Loji dan Peralatan		(74,224)	(23,996)
Rugi Hapuskira Loji dan Peralatan		529	215,252
Peruntukan untuk Imbuhan Tahunan		5,844,300	3,300,000
Penjejasan Aset Kewangan		-	11,032
Peruntukan Manfaat Pekerja		1,675,737	1,712,259
Pendapatan Faedah Meningkat		-	(1,449,245)
Pendapatan Faedah/Hibah daripada Deposit/Pembentukan		(4,263,875)	(4,105,304)
Rugi tidak Direalisasi bagi Pertukaran Matawang		6,271	13,500
Kurangan Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja		2,402,987	(1,943,557)
Perubahan Modal Kerja :			
Kurangan Akaun Belum Terima		407,276	18,083,237
Kurangan Kupon Belum Terima		2,120,000	2,120,000
Tambahan Akaun Belum Bayar		68,097,350	21,478,638
Kurangan Imbuhan Tahunan		(3,300,000)	(5,978,228)
Kurangan Manfaat Pekerja		(1,529,906)	(449,292)
Tunai bersih daripada Aktiviti Operasi		68,197,707	33,310,798
Pendapatan Faedah/Hibah daripada Deposit/Pembentukan		2,851,521	4,105,304
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		71,049,228	37,416,102
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Loji dan Peralatan		(9,211,204)	(2,263,691)
Kurangan/(Tambahan) Deposit di Institusi Berlesen		50,000,000	(50,000,000)
Pembelian Aset Tak Ketara		(1,266,700)	-
Kutipan daripada Pelupusan Loji dan Peralatan		74,229	24,000
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan		39,596,325	(52,239,691)

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)

	Nota	2021 RM	Dinyatakan Semula 2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		198,486,393	287,117,000
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		(184,399,734)	(346,248,146)
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		14,827,493	30,519,574
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		(24,061,101)	(1,130,820)
Penerimaan Akaun Pembangunan MIDA		1,875,000	39,941
Pembayaran Akaun Pembangunan MIDA		(7,932,183)	(1,726,543)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(1,204,132)	(31,428,994)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		109,441,421	(46,252,583)
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari		137,851,134	184,055,018
Kesan Pertukaran Matawang		(97,060)	48,699
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	3	247,195,495	137,851,134

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021**

Nota: Asas penyediaan bantuan dan asas penyediaan perakaunan adalah berbeza. Penyata Prestasi Bajet telah disediakan dengan asas penyediaan bantuan.

Anggaran Hasil	Anggaran Asal 2021 RM	Anggaran Disemak 2021 RM	Anggaran Akhir 2021 RM	Hasil Sebenar 2021 RM	Hasil Sebenar Dinyatakan Semula 2020 RM
Peruntukan Geran Mengurus	160,000,000	-	160,000,000	160,000,000	152,000,000
Peruntukan Tambahan Mengurus	28,050,400	(28,050,400)	-	-	-
Pendapatan Sewaan	800,000	-	800,000	578,000	813,341
Pendapatan dari Faedah Bank	4,000,000	-	4,000,000	2,821,026	4,073,941
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	40,000	-	40,000	30,495	31,335
Lain-lain Pendapatan	160,000	-	160,000	3,238,855	2,485,173
Jumlah Hasil	<u>193,050,400</u>	<u>(28,050,400)</u>	<u>165,000,000</u>	<u>166,668,376</u>	<u>159,403,790</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

Perbelanjaan Operasi (Catatan B)	Peruntukan Asal 2021 RM	Pelarasan 2021 RM	Peruntukan Akhir 2021 RM	Perbelanjaan Sebenar Dalam Asas Perbandingan 2021 RM	Perbelanjaan Sebenar Dalam Asas Perbandingan 2021 RM	Variasi Bajet 2021 RM
Perbelanjaan Emolumen Bekalan dan Perkhidmatan Aset Bayaran-Bayaran lain Jumlah Perbelanjaan Mengurus	106,495,340 84,485,660 900,000 1,169,400 <u>193,050,400</u>	- (1,500,000) - 1,500,000 -	106,495,340 82,985,660 900,000 2,669,400 <u>193,050,400</u>	106,130,490 67,540,830 1,400,443 2,838,600 <u>177,910,363</u>	106,130,490 67,540,830 1,400,443 2,838,600 <u>177,910,363</u>	364,850 15,444,830 (500,443) (169,200) <u>15,140,037</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2021****1. Maklumat Umum**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia(MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan melalui mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 21 April 2022.

2.1 Asas Penyediaan**(a) Tempoh Laporan dan Entiti**

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan MIDA adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan MIDA.

76

77

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dalam penilaian dalam proses menggunakan polisi perakaunan MIDA.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(b) Hartanah Pelaburan (Sambungan)**

Hartanah pelaburan hendaklah dinyahiktirafkan (dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan) semasa pelupusan atau apabila penggunaan harta pelaburan itu ditamatkan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau kurangan dimasukkan dalam keuntungan/(kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada harta pelaburan.

(c) Loji dan Peralatan

Semua loji dan peralatan kecuali kerja dalam perlaksanaan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau kurangan dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

Pengubahsuaian	20% setahun
Kenderaan	20% setahun
Peralatan komputer	20% setahun
Peralatan pejabat	10% setahun

Nilai baki aset dan hayat berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(c) Loji dan Peralatan (Sambungan)**

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item harta, loji dan peralatan dan / atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item harta, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

(d) Pajakan Operasi

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajakan menyewakan kepada penerima pajakan untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

Pajakan operasi - MIDA sebagai penerima pajakan

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hak milik disimpan oleh pemberi pajakan adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajakan) adalah dicaj kepada lebihan atau kurangan pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan operasi - MIDA sebagai pemberi pajakan

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

(e) Pajakan Kewangan

Pajakan Kewangan hendaklah direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Aset dan Obligasi untuk membayar sewaan masa hadapan.

Ia hendaklah diiktiraf pada Nilai Saksama Aset Pajakan atau, jika lebih rendah, Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan yang masing-masing ditentukan pada tarikh Insepsi Pajakan. Dalam mengira Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan, Faktor Diskaun adalah Faedah Implisit dalam Pajakan berkenaan. Apa-apa kos langsung awal Pemajak hendaklah ditambahkan kepada amaun yang diiktiraf sebagai Aset.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(e) Pajakan Kewangan (Sambungan)**

Kadar Faedah yang implisit dalam Pajakan ditakrifkan dalam piawaian sebagai kadar diskaun yang, pada insepzi pajakan, menyebabkan nilai kini agregat bagi

- (a) bayaran minimum pajakan dan
- (b) Nilai Sisa tidak terjamin yang bersamaan dengan jumlah
 - (i) nilai saksama Aset pajakan dan
 - (ii) kos langsung awal Pemberi Pajak.

Dalam terma mudah, Kadar Faedah Implisit dalam pajakan adalah kadar pulangan dalaman Pemberi Pajak daripada Pajakan dengan mengambil kira harga tunai biasa Aset Pajakan, sewaan dan Amaun Boleh Pulih yang dijangka daripada Nilai Sisa oleh Pemberi Pajak.

Sekiranya perkara ini tidak boleh dilaksanakan, Pemajak hendaklah menggunakan Kadar Pinjaman Bertambah untuk menentukan Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan. Kadar pinjaman bertambah adalah kadar yang belum bayar oleh Pemajak bagi Pajakan yang serupa atau, sekiranya tidak boleh ditentukan, kadar pada tarikh insepzi bagi Pajakan yang akan ditanggung oleh Pemajak atas pinjaman dengan tempoh dan sekuriti yang serupa.

Bayaran Minimum Pajakan adalah bayaran bagi sepanjang Tempoh Pajakan yang belum bayar, atau boleh disyaratkan terhadap Pemajak, yang tidak termasuk sewaan luar jangka, kos untuk perkhidmatan dan cukai yang belum bayar dan dituntut semula kepada Pemberi Pajak bersama-sama dengan amaun yang dijamin oleh Pemajak atau pihak lain yang berkaitan dengan Pemajak (sebagai contoh, kumpulan entiti yang lain). Sebagai tambahan, sekiranya Pemajak mempunyai opsyen untuk membeli Aset pada harga yang menyebabkannya sangat pasti, pada Insepzi Pajakan, yang opsyen berkenaan akan dilaksanakan, maka Pemajak hendaklah memasukkan bayaran untuk melaksanakan opsyen berkenaan dalam pengiraan Bayaran Minimum Pajakan. Sekiranya tidak pasti bahawa opsyen berkenaan akan dilaksanakan, penalti kerana tidak melaksanakan opsyen berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam Bayaran Minimum Pajakan. Ianya akan menjadi sangat pasti bahawa opsyen akan dilaksanakan sekiranya, pada Insepzi Pajakan, dijangkakan bahawa harga opsyen akan cukup rendah berbanding jangkaan Nilai Saksama Aset pada tarikh opsyen berkenaan dilaksanakan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(e) Pajakan Kewangan (Sambungan)**

Aset yang dipajak secara Pajakan Kewangan hendaklah disusutnilaikan sepanjang Tempoh Pajakan atau usia gunanya yang lebih pendek, melainkan terdapat kepastian yang munasabah bahawa Pemajak akan mendapat hak pemilikan Aset berkenaan pada akhir tempoh pajakan, maka Aset berkenaan hendaklah disusutnilaikan sepanjang gunanya.

Bayaran pajakan hendaklah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan baki Liabiliti. Caj kewangan hendaklah diagihkan sepanjang tempoh pajakan, supaya menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki Liabiliti pada setiap tempoh. Piawaian ini mengambil maklum bahawa, dalam keadaan sebenar, sesetengah bentuk anggaran mungkin perlu digunakan untuk memudahkan pengiraan peruntukan berkenaan.

Tempoh pajakan tanah dan bangunan adalah 99 tahun manakala susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus menggunakan tempoh susutnilai berikut:

Tanah pajakan	99 tahun
Bangunan pajakan	50 tahun

(f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
- (ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
- (iii) Keupayaan entiti untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara;
- (iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak Ketara tersebut;
- (v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan
- (vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhed yang relevan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem (Sambungan)**

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berdasarkan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

(g) Penjejasan Aset Bukan KewanganPenjejasan aset janaan tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, MIDA menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain MIDA.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Kerugian penjejasan dalam operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori belanja yang sesuai dengan keadaan aset yang terjejas.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(g) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)**Kemerosotan nilai aset yang menjana bukan tunai

MIDA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Dalam menilai nilai yang digunakan, MIDA telah menerima pakai pendekatan susutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa potensi baki kos penggantian perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susutnilai. Kos penggantian susutnilai diukur sebagai pengeluaran semula atau penggantian kos aset, yang mana lebih rendah, susutnilai terkumpul dikira berdasarkan kos, untuk mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, harga aset dalam satu perjanjian yang mengikat dalam urusniaga tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran aktif, nilai saksama tolak kos jualan adalah persamaan harta pasaran ditolak kos pelupusan. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah atau adanya pasaran aktif untuk aset tersebut, MIDA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(h) Instrumen Kewangan****Aset kewangan****Klasifikasi**

MIDA mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan akaun belum terima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Pinjaman dan akaun belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran secara tetap atau boleh ditentukan yang tiada dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan akaun belum terima MIDA terdiri daripada pelbagai penghutang, pendahuluan, pinjaman pekerja, kupon belum terima dan pendahuluan geran.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf pada dagangan terkini, tarikh di mana MIDA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Pengukuran berikutnya

Pinjaman dan aset kewangan penghutang kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

84

Penyahiktirafan

Aset kewangan pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan MIDA telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Penjejasan nilai aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan

MIDA menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan MIDA terjejas. Aset kewangan MIDA dianggap sebagai terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (yang ditanggung 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan MIDA yang boleh dianggarkan dengan pasti. Bukti penjejasan mungkin termasuk penunjuk berikut:

- Penghutang MIDA mengalami kesukaran kewangan yang ketara;
- Ingkar atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok;
- Kebarangkalian bahawa penghutang akan muflis;
- Data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai pada masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan keingkaran.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(h) Instrumen Kewangan (Sambungan)****Aset kewangan (Sambungan)**

MIDA menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang ketara secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu. Jika MIDA menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam aset kewangan MIDA dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana kerugian penjejasan adalah, atau terus diiktiraf, tidak termasuk dalam penilaian kolektif penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan jumlah boleh pulih.

Liabiliti kewangan**Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Liabiliti kewangan MIDA termasuk pemutang. Pemutang diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama.

Pengukuran berikutnya

Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau diluputkan.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(j) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila MIDA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

(k) Manfaat Pekerja**Manfaat jangka pendek kakitangan**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, Imbuhan Tahunan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

MIDA mengiktiraf liabiliti dan belanja Imbuhan Tahunan, berdasarkan formula yang mengambil kira lebihan yang boleh diagihkan kepada MIDA selepas beberapa pelarasian. MIDA mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Manfaat pencecaraan pasca pekerjaan

MIDA mempunyai pelan manfaat pencecaraan pasca pekerjaan sejajar dengan keadaan dan amalan tempatan. Pelan manfaat ini adalah sama ada caruman wajib atau pelan manfaat ditetapkan.

Pelan caruman wajib ialah pelan pencecaraan di mana MIDA membayar caruman tetap kepada sebuah entiti berasingan (dana) secara mandatori, kontrak atau sukarela dan MIDA mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Sumbangan MIDA kepada pelan caruman wajib dicaj kepada lebihan atau kurangan dalam tempoh yang berkaitan.

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**(k) Manfaat Pekerja (Sambungan)**

Pelan manfaat yang ditetapkan ialah pelan pencecaraan yang bukan merupakan pelan caruman tetap. Pelan manfaat ditentukan adalah ganjaran pencecaraan yang akan diterima selepas bersara, biasanya bergantung kepada satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan dan pampasannya.

(l) Urusniaga Dalam Matawang Asing

Item dalam penyata kewangan ini diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana MIDA beroperasi (matawang fungsian). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pelaporan MIDA.

Urusniaga dalam matawang asing diambilkira menurut kadar pertukaran matawang asing pada bulan urusniaga. Baki aset dan liabiliti dalam matawang asing dilaporkan pada penyata kedudukan kewangan dengan menggunakan kadar pertukaran pada hujung tahun.

Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran matawang asing bulan penutupan bagi aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pertukaran asing diiktiraf dalam lebihan atau kurangan tahun semasa dalam keuntungan atau kerugian lain.

(m) Pertimbangan dan Sumber Ketidakpastian Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan MIDA membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun hasil, belanja, Aset dan Liabiliti, dan pendedahan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan Hasil yang memerlukan pelarasian material kepada Amaun Bawaan Aset atau Liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

Peruntukan

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh pelaporan.

Penjejasan Belum Terima

MIDA membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan, MIDA mengambilkira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri Risiko Kredit yang serupa.

3. Tunai dan Kesetaraan Tunai

	2021 RM	2020 RM
Tunai Dalam Tangan	17,247	20,957
Tunai di Bank	25,907,564	49,743,426
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan Berlesen	<u>221,270,684</u>	<u>88,086,751</u>
	<u>247,195,495</u>	<u>137,851,134</u>

Tunai di bank mendapat faedah/keuntungan pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Deposit dibuat untuk tempoh yang berbeza, bergantung kepada keperluan tunai segera MIDA dan pendapatan faedah/keuntungan. Purata wajaran kadar faedah/keuntungan pada 31 Disember 2021 adalah 1.92% (2020: 1.93%) setahun. Deposit ini adalah terhad untuk kegunaan projek yang diluluskan.

4. Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran

	Dinyatakan Semula	2021 RM	2020 RM
Pelbagai penghutang			
Kerugian penjejasan terkumpul		1,374,728	3,173,195
		<u>(48,022)</u>	<u>(137,480)</u>
		1,326,706	3,035,715
Pinjaman pekerja:		668,075	826,806
- Pembiayaan komputer		<u>67,033</u>	<u>102,765</u>
- Pinjaman kenderaan		<u>601,042</u>	<u>724,041</u>
Pendahuluan		16,448	13,623
Jumlah pinjaman dan akaun belum terima		2,011,229	3,876,144
Deposit diberi		6,132,779	6,164,483
Bayaran terdahulu		<u>6,465,941</u>	<u>4,885,808</u>
		<u>14,609,949</u>	<u>14,926,435</u>
Analisis:			
Semasa		10,589,030	8,710,052
Bukan Semasa		<u>4,020,919</u>	<u>6,216,383</u>
		<u>14,609,949</u>	<u>14,926,435</u>

